



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2014

AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

NEGERI SABAH

SIRI 1



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2014

AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
NEGERI SABAH

SIRI 1

**Jabatan Audit Negara
Malaysia**



KANDUNGAN

KANDUNGAN

vii	KATA PENDAHULUAN
xi	INTISARI LAPORAN
	AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI
3	JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN Pengurusan Projek Mencegah Banjir
11	PIHAK BERKUASA PEMBANGUNAN EKONOMI DAN PELABURAN SABAH Pengurusan Pusat Ternakan Bersepadu Keningau (KILC)
20	MAJLIS PERBANDARAN SANDAKAN MAJLIS DAERAH TUARAN Pengurusan Perolehan Pihak Berkuasa Tempatan
28	KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH Saham Sabah Berhad
41	PERBADANAN PEMBANGUNAN EKONOMI NEGERI SABAH Perkasa Trading Sdn. Bhd.
59	PENUTUP



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Negeri.
2. Jabatan Audit Negara akan terus menyokong Dasar Transformasi Negara dan terus membantu Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan melakukan penambahbaikan bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat dengan memberikan pandangan serta syor melalui pengauditan yang dijalankan. Ke arah itu, satu lagi inisiatif di bawah GTP 2.0 telah dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara iaitu mewujudkan paparan “AG’s Dashboard” yang memaparkan status terkini tindakan yang telah diambil oleh pihak Audit terhadap isu-isu yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara termasuk syor-syor yang dikemukakan sebaik sahaja Laporan itu dibentangkan di Parlimen. Paparan sedemikian yang boleh diakses oleh semua pihak dapat memberi gambaran sejauh mana tindakan pembetulan atau penambahbaikan telah diambil oleh Kementerian/Jabatan/Agensi pada satu-satu masa.
3. Laporan saya ini adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 1 Jabatan, 3 Agensi dan 2 Syarikat Kerajaan Negeri Sabah. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Setiausaha Tetap Kementerian dan Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Ketua-ketua Jabatan dan Agensi juga telah dimaklumkan mengenai isu-isu berkaitan semasa *Exit Conference* yang diadakan sebelum Laporan ini disediakan. Sehubungan itu, hanya penemuan Audit yang penting sahaja dilaporkan dalam Laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Pejabat Ketua Menteri/Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 10 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Kementerian/Jabatan/Agensi berkenaan.
4. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah Tahun 2014 Siri 1 ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepetimana dihasratkan oleh Kerajaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Kementerian/Jabatan/Agenzi dan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditran dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
21 Februari 2015



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

1. JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN

- Pengurusan Projek Mencegah Banjir

1.1. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sabah (JPS) bertanggungjawab terhadap Pengurusan Projek Mencegah Banjir. Projek Mencegah Banjir dilaksanakan selaras dengan dasar Kerajaan mewujudkan suasana selesa untuk pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sosial melalui penyenggaraan dan pemberian sungai. Projek Mencegah Banjir yang dilaksanakan adalah seperti pembinaan infrastruktur penampungan, kawalan dan pengalih aliran lebihan air. Projek Mencegah Banjir merangkumi 3 aktiviti iaitu Rancangan Mencegah Banjir (RMB), Rancangan Tebatan Banjir (RTB) dan Rancangan Saliran Bandar (RSB). Projek RMB dilaksanakan menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan menyasarkan kawasan kampung yang kerap dilanda banjir berpunca dari sungai. Projek RTB adalah projek khas yang dilaksanakan menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan lebih menyasarkan kawasan yang kerap dilanda banjir iaitu kawasan yang menjadi keutamaan Kerajaan Negeri. Manakala Projek RSB yang menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri lebih menumpukan kepada pemberian parit di kawasan bandar sama ada taman perumahan atau kawasan perindustrian yang sering dilanda masalah banjir. Objektif Projek Mencegah Banjir adalah mengurangkan masalah banjir melalui pelaksanaan program jangka masa panjang dan yang terdiri daripada kerja mencegah banjir dan penyenggaraan sungai untuk mengurangkan kesan sosial dan ekonomi akibat daripada kejadian banjir.

1.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Januari hingga Jun 2014 mendapati, Pengurusan Projek Mencegah Banjir di Negeri Sabah adalah baik kerana 17 atau 85% daripada 20 buah projek telah siap dilaksanakan, 6 daripada 14 buah projek yang dilawat disenggara secara berkala dan 4 buah projek disenggara secara ad-hoc. Selain itu, semua projek yang telah siap dibina mematuhi spesifikasi yang ditetapkan. Bagaimanapun, beberapa perkara perlu untuk penambahbaikan oleh JPS Sabah terhadap Pengurusan Projek Mencegah Banjir seperti berikut:

- Kelulusan projek mencegah banjir hanya 24.1% ataupun 20 daripada 83 buah projek yang dipohon.
- Proses pemindahan setinggan di tapak projek mengambil masa yang panjang.
- Sebanyak 4 buah projek tidak disenggara secara berkala.

1.3. Bagi memastikan pengurusan projek mencegah banjir dapat dilaksanakan dengan cekap dan mencapai matlamat yang ditetapkan, adalah disyorkan Jabatan Pengairan Dan Saliran mengambil langkah-langkah seperti berikut:

1.3.1. Memastikan proses pengambilan tapak tanah diselesaikan terlebih dahulu sebelum projek ditender.

1.3.2. Memastikan penyenggaraan dilaksanakan terhadap semua sistem pengairan dan saliran yang ada agar projek mencegah banjir berfungsi dengan berkesan.

2. PIHAK BERKUASA PEMBANGUNAN EKONOMI DAN PELABURAN SABAH
- **Pengurusan Pusat Penternakan Bersepadu Keningau (KILC)**

2.1. Pusat Penternakan Bersepadu Keningau (KILC) yang dibangunkan pada tahun 2012 adalah merupakan sebahagian daripada inisiatif *Sabah Interior Food Valley* di bawah Koridor Pembangunan Sabah (SDC) dan agensi peneraju utama adalah Pihak Berkusa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDA). KILC merupakan pusat ternakan berskala besar yang pertama seumpamanya di Malaysia dan dijangka dapat menghasilkan sebanyak 2,000 ekor lembu yang boleh membekalkan kuantiti susu sebanyak 4.8 juta liter setahun. Objektif utama KILC adalah untuk menjadi pengeluar utama *heifers*; menjadi pengeluar *semen* lembu; dan menjadi model contoh bagi ladang ternakan tenusu. Projek KILC dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan yang disalurkan melalui Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) kepada SEDA dan dibangunkan berdasarkan sistem perladangan 3-tier iaitu Nukleus, *Multiplier* dan Komersial. Fasa pertama melibatkan pembangunan Pusat Nukleus dengan visi untuk menjadikan KILC sebagai pusat penternakan utama untuk tenusu dan daging di rantau ini. Peruntukan untuk projek Ladang Nukleus fasa 1 berjumlah RM61 juta, manakala kos keseluruhan projek untuk 3 fasa apabila siap sepenuhnya dianggarkan berjumlah RM700 juta.

2.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Disember 2014, secara keseluruhannya mendapati pengurusan KILC adalah baik dari segi prestasi kewangan dan fizikal. Prestasi kewangan telah mencapai 92% perbelanjaan daripada jumlah peruntukan sebanyak RM61 juta. Sementara infrastruktur utama seperti jalan masuk, pagar, sistem pengairan dan saliran, bekalan elektrik dan air, serta bangunan pentadbiran, rumah kakitangan, *cow barn*, *docking yard*, *feedmill*, bengkel, *milking parlour* dan *breeding block* yang bermula pada 2 November 2011 dan siap dibina pada 8 Oktober 2013. Tempoh tanggungan kecacatan adalah selama 12 bulan berakhir pada 8 Oktober 2014. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan projek seperti berikut:

- Sasaran pengeluaran susu tidak tercapai.
- Beberapa kerosakan kecil belum dibaiki dan ruang penyimpanan jentera tidak disediakan.
- Pengisian guna tenaga kritikal tidak dibuat.

2.3. Bagi tujuan penambahbaikan dan mengatasi kelemahan yang telah dibangkitkan, pihak Audit mengesyorkan Pihak Berkusa Pembangunan Ekonomi Dan Pelaburan Sabah (SEDA) mengambil tindakan mengisi jawatan pakar haiwan yang berpengalaman dan

bersesuaian untuk bekerja di KILC dengan segera bagi membantu meningkatkan pengeluaran susu.

3. MAJLIS PERBANDARAN SANDAKAN

MAJLIS DAERAH TUARAN

- Pengurusan Perolehan Pihak Berkuasa Tempatan

3.1. Pengurusan perolehan PBT adalah tertakluk kepada peraturan dan undang-undang sedia ada seperti Ordinan Kerajaan Tempatan 1961, Arahan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Sabah, Undang-undang Kecil PBT, Arahan Perbendaharaan, dan pekeliling-pekeliling yang dikeluarkan oleh kerajaan Persekutuan dan kerajaan Negeri daripada masa ke semasa. Perolehan boleh dilaksanakan mengikut kaedah pembelian terus, sebut harga, tender atau lantikan/pemberian terus. Perolehan yang dibuat hendaklah berteraskan aspek akauntabiliti awam, integriti, ekonomi, cekap dan berkesan serta mengambil kira kepentingan Kerajaan. Kajian pasaran juga perlu dibuat bagi memperolehi *value for money*.

3.2. Perolehan yang dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Sandakan (MPS) dan Majlis Daerah Tuaran (MDT) adalah sebanyak 5,829 dan 1,056 bernilai RM81.22 juta dan RM29.13 juta masing-masing bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014. Perolehan yang dilaksanakan ini adalah melalui dana majlis, peruntukan Kerajaan Negeri Sabah dan peruntukan Kerajaan Persekutuan.

3.3. Pengauditan yang dijalankan pada bulan September hingga November 2014 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan perolehan bagi MPS dan MDT dari segi penyediaan dokumen kontrak, kualiti kerja dan pemantauan adalah memuaskan. Bagaimanapun, perkara berikut perlu diberi perhatian:

- Pematuhan kepada had nilai perolehan.
- Penyimpanan stok tong sampah.
- Penggunaan kemudahan.
- Kerja pembinaan pondok perhentian bas lewat disiapkan.

3.4. Bagi tujuan penambahbaikan dan memantapkan lagi pengurusan perolehan, adalah disyorkan Majlis Perbandaran Sandakan dan Majlis Daerah Tuaran mengambil tindakan seperti berikut:

3.4.1. Merancang semua perolehan secara tahunan dan mematuhi peraturan perolehan yang berkuatkuasa.

3.4.2. Memastikan keadaan penyimpanan stok tong sampah adalah bersesuaian agar tidak terdedah kepada cuaca panas dan hujan.

3.4.3. Memastikan projek yang dilaksanakan digunakan agar tidak berlaku pembaziran wang kerajaan.

4. KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH
- Saham Sabah Berhad

4.1. Saham Sabah Berhad (SSB) telah ditubuhkan pada 4 Oktober 1994 di bawah Akta Syarikat 1965. SSB dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Sabah dan merupakan pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal untuk bermiaga dalam sekuriti produk unit amanah, yang dikeluarkan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007. Modal saham dibenarkan SSB berjumlah RM25 juta dan saham berbayar penuh berjumlah RM22 juta. Aktiviti utama SSB adalah menjalankan operasi dan pengurusan dana SAS termasuk pemasaran dan pengedaran unit, menyediakan semua notis dan laporan yang akan dikeluarkan kepada pemegang unit, menyelenggara akaun dan daftar pemegang unit, membuat pengiraan penilaian unit, memastikan harga dan jualan unit adalah mengikut prosedur dan garis panduan yang dibenarkan.

4.2. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Ogos hingga Oktober 2014, mendapati pada umumnya prestasi kewangan SSB adalah baik di mana syarikat telah mencatatkan keuntungan bagi tahun 2012 hingga 2014. Syarikat mempunyai keuntungan terkumpul berjumlah RM17.27 juta pada akhir tahun 2014. Begitu juga dari segi pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat adalah baik. Bagaimanapun, bagi pengurusan aktiviti terdapat beberapa kelemahan yang boleh ditambah baik seperti berikut:

- Penjualan unit SAS tidak mencapai sasaran.
- Skim Pembangunan Rakyat Termiskin melalui Saham Amanah Sabah gagal mencapai matlamat.

4.3. Bagi meningkatkan prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat Saham Sabah Berhad disyorkan untuk mengambil langkah penambahbaikan seperti berikut:

4.3.1. Meningkatkan pendapatan daripada pelaburan supaya agihan dividen dapat ditingkatkan dan seterusnya meningkatkan penjualan unit SAS.

4.3.2. Membayar balik tunggakan pinjaman bagi skim PPRT-SAS dalam 10 ansuran mulai 2015 seperti yang dipersetujui oleh Bank Negara Malaysia.

5. PERBADANAN PEMBANGUNAN EKONOMI SABAH (SEDCO)
- Perkasa Trading Sdn. Bhd.

5.1. Perkasa Trading Sdn. Bhd. (PTSB) telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 1972. PTSB merupakan anak syarikat kepada Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sabah (SEDCO) iaitu sebuah agensi Kerajaan Negeri Sabah. Modal saham

dibenarkan dan berbayar masing-masing berjumlah RM40 juta dan RM38.60 juta. Objektif penubuhan PTSB adalah sebagai syarikat perniagaan berkaitan dengan bahan binaan, produk perindustrian, baja dan bahan kimia pertanian.

5.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Oktober 2014 mendapati secara keseluruhannya, prestasi kewangan PTSB adalah baik di mana syarikat telah mencatatkan keuntungan bagi tahun 2011 hingga 2013. Syarikat mempunyai keuntungan terkumpul berjumlah RM12.63 juta pada akhir tahun 2013. Bagaimanapun, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat adalah memuaskan. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- Perolehan barang *hardware* dan produk pertanian melalui kaedah pembelian terus tidak mematuhi *Standard Operating Procedures* (SOP).
- Stok bernilai RM6.20 juta yang usang belum dilupus.
- Kemudahan kredit kepada pelanggan melebihi had berjumlah RM0.94 juta dan tunggakan semakin meningkat.
- Pelan strategik/rancangan korporat bagi tahun 2011 hingga 2015 tidak disediakan.
- *Standard Operating Procedures* (SOP) tidak lengkap dan tidak dikemas kini sejak tahun 1986.

5.3. Bagi memantapkan pengurusan syarikat Perkasa Trading Sdn. Bhd. (PTSB) dari aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan, pihak Audit mengesyorkan PTSB mengambil tindakan berikut:

5.3.1. Memastikan sistem perolehan teratur dan kemas kini dengan mewujudkan Jawatankuasa tender/sebut harga dan mengkaji semula siling perolehan bagi sebut harga, tender dan pembelian terus agar bersesuaian dengan keadaan semasa.

5.3.2. Menyediakan Pelan Strategik dan mengemas kini SOP bagi meningkatkan kecekapan pengurusan PTSB.



**AKTIVITI
KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI**

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN

1. PENGURUSAN PROJEK MENCEGAH BANJIR

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sabah (JPS) bertanggungjawab terhadap Pengurusan Projek Mencegah Banjir. Projek Mencegah Banjir dilaksanakan selaras dengan dasar Kerajaan mewujudkan suasana selesa untuk pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sosial melalui penyenggaraan dan pemberian sungai. Projek Mencegah Banjir yang dilaksanakan adalah seperti pembinaan infrastruktur penampungan, kawalan dan pengalih aliran lebahan air. Projek Mencegah Banjir merangkumi 3 aktiviti iaitu Rancangan Mencegah Banjir (RMB), Rancangan Tebatan Banjir (RTB) dan Rancangan Saliran Bandar (RSB). Projek RMB dilaksanakan menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan menyasarkan kawasan kampung yang kerap dilanda banjir berpunca dari sungai. Projek RTB adalah projek khas yang dilaksanakan menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan lebih menyasarkan kawasan yang kerap dilanda banjir iaitu kawasan yang menjadi keutamaan Kerajaan Negeri. Manakala Projek RSB yang menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri lebih menumpukan kepada pemberian parit di kawasan bandar sama ada taman perumahan atau kawasan perindustrian yang sering dilanda banjir.

1.1.2. Objektif Projek Mencegah Banjir adalah mengurangkan masalah banjir melalui pelaksanaan program jangka masa panjang yang terdiri daripada kerja mencegah banjir dan penyenggaraan sungai untuk mengurangkan kesan sosial dan ekonomi akibat daripada kejadian banjir. Sepanjang tahun 2011 hingga 2013, sejumlah RM92.55 juta telah diperuntukkan untuk melaksanakan 20 buah Projek Mencegah Banjir di Negeri Sabah dan sejumlah RM84.74 juta atau 91.6% telah dibelanjakan seperti di **Jadual 1.1**.

Jadual 1.1
Peruntukan Dan Perbelanjaan Projek Mencegah Banjir Bagi Tahun 2011 Hingga 2013

Butir Projek Mencegah Banjir	Bilangan Projek	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Peratus Perbelanjaan (%)
Rancangan Mencegah Banjir	6	16.63	13.97	84.0
Rancangan Tebatan Banjir	6	34.16	30.91	90.5
Projek Rancangan Saliran Bandar	8	41.76	39.86	95.5
Jumlah	20	92.55	84.74	91.6

Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Sabah

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada Pengurusan Projek Mencegah Banjir telah dirancang, dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi mencapai matlamat yang ditetapkan.

1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan terhadap projek mencegah banjir yang dilaksanakan pada tahun 2011 hingga 2013 di Ibu Pejabat JPS, JPS Daerah Penampang, JPS Daerah Tawau, JPS Daerah Sandakan dan JPS Daerah Beaufort. Lawatan Audit telah dibuat di 9 Projek Mencegah Banjir yang dilaksanakan sepanjang tahun 2011 hingga 2013 telah dipilih sebagai sampel untuk menilai prestasi projek. Selain itu, 7 buah Projek Mencegah Banjir yang dilaksanakan pada tahun 2007 hingga 2010 dipilih bagi menilai penyenggaraan yang dijalankan sepanjang tempoh liputan Audit. Semakan Audit telah dibuat terhadap rekod, dokumen, pernyataan dan laporan yang dihasilkan. Temu bual juga diadakan dengan Pegawai JPS yang terlibat dan mendapatkan nasihat teknikal daripada pegawai kejuruteraan dari Bahagian Pengauditan Air, Jabatan Audit Negara Malaysia. *Exit Conference* bersama Pengarah Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Sabah telah diadakan pada 20 Oktober 2014 yang turut dihadiri oleh wakil Jabatan Tanah dan Ukur, Kementerian Kewangan dan Jabatan Peguam Besar Negeri Sabah.

1.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Januari hingga Jun 2014 mendapati, Pengurusan Projek Mencegah Banjir di Negeri Sabah adalah baik kerana 17 atau 85% daripada 20 buah projek telah siap dilaksanakan, 6 daripada 14 buah projek yang dilawat disenggara secara berkala dan 4 buah projek disenggara secara ad-hoc. Selain itu, semua projek yang telah siap dibina mematuhi spesifikasi yang ditetapkan. Bagaimanapun, beberapa perkara perlu untuk penambahbaikan oleh JPS Sabah terhadap Pengurusan Projek Mencegah Banjir seperti berikut:

- Kelulusan projek mencegah banjir hanya 24.1% ataupun 20 daripada 83 buah projek yang dipohon.
- Proses pemindahan setinggan di tapak projek mengambil masa yang panjang.
- Sebanyak 4 buah projek tidak disenggara secara berkala.

1.4.1. Prestasi Projek Mencegah Banjir

Perancangan pelaksanaan Projek Mencegah Banjir adalah merujuk kepada Pelan Induk ataupun keperluan yang mendesak. Pelan Induk Mencegah Banjir dihasilkan daripada kajian terperinci terhadap sistem saliran perparitan ataupun sungai untuk kawasan yang terlibat dengan bencana banjir. Ianya disediakan oleh perunding yang dilantik bertujuan untuk mengatasi masalah banjir secara menyeluruh dengan menaik taraf sistem saliran dan perparitan. Perancangan yang teliti dapat menyumbang kepada keberkesanan projek dalam membantu mengurangkan masalah banjir.

1.4.1.1. Kelulusan Bilangan Projek

- a. Unit perancangan JPS menyediakan kertas cadangan projek mencegah banjir berdasarkan Pelan Induk ataupun keperluan mendesak yang diterima daripada JPS Daerah. Kertas cadangan dikemukakan kepada Kerajaan Negeri dan Persekutuan untuk mendapatkan kelulusan peruntukan.
- b. Semakan Audit terhadap laporan Kertas Cadangan Projek Pembangunan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) mendapati JPS Sabah telah merancang sebanyak 83 buah Projek Mencegah Banjir dengan kos projek berjumlah RM3.21 bilion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 62 projek atau RM2,434.35 juta melalui peruntukan Kerajaan Persekutuan dan 21 projek atau RM779.54 juta peruntukan Kerajaan Negeri seperti di **Jadual 1.2**.

**Jadual 1.2
Permohonan Dan Kelulusan Projek Mencegah Banjir RMKe-10**

Biayaan Kerajaan	Nama Projek	Permohonan		Kelulusan		Peratus Projek Yang Diluluskan (%)	
		Bil. Projek	Kos Projek (RM Juta)	Bil. Projek	Kos Projek (RM Juta)	Bil. Projek	Kos Projek
Persekutuan	Rancangan Mencegah Banjir (RMB)	31	1,078.55	6	16.63	19.4	1.5
	Rancangan Tebatan Banjir (RTB)	21	1,289.50	4	23.16	19.1	1.8
	Rancangan Saliran Bandar (RSB)	10	66.30	0	0	0	0
Jumlah Projek Biayaan Kerajaan Persekutuan		62	2,434.35	10	39.79	16.1	1.6
Negeri	Rancangan Tebatan Banjir (RTB)	7	296.47	2	11.00	28.6	3.7
	Rancangan Saliran Bandar (RSB)	14	483.07	8	41.76	57.1	8.6
Jumlah Projek Biayaan Kerajaan Negeri		21	779.54	10	52.76	47.6	6.8
Jumlah Keseluruhan		83	3,213.89	20	92.55	24.1	2.9

Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Sabah

- c. Analisis Audit terhadap **Jadual 1.3** mendapati hanya 20 daripada 83 buah projek mencegah banjir yang dirancang atau 24.10% telah diluluskan peruntukannya dengan kos projek bernilai RM92.55 juta atau 2.88% daripada RM3.21 bilion yang dipohon. Daripada jumlah tersebut, 10 projek dengan kos berjumlah RM39.79 juta telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan manakala Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak 10 projek dengan kos berjumlah RM52.76 juta. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 15 Oktober 2014, pihak JPS telah berusaha memohon semula projek-projek mencegah banjir dalam *rolling plan* dan mengemukakan projek-projek yang sangat mendesak kepada JPS Malaysia.**

1.4.1.2. Prestasi Pembinaan Projek

- a. Projek Mencegah Banjir merangkumi 3 jenis rancangan iaitu Rancangan Mencegah Banjir (RMB), Rancangan Tebatan Banjir (RTB) dan Rancangan Saliran Bandar (RSB). Projek mencegah banjir yang dilaksanakan hendaklah disiapkan mengikut tempoh ditetapkan dan mematuhi spesifikasi kontrak serta mampu mencapai matlamat yang ditetapkan.
- b. Bagi tempoh 2011 hingga 2013, sebanyak 20 buah projek mencegah banjir telah dilaksanakan terdiri daripada 6 buah projek Rancangan Mencegah Banjir (RMB), 6 buah projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) dan 8 buah Projek Rancangan Saliran Bandar (RSB). Semakan Audit terhadap Laporan Senarai Kontrak JPS dan Laporan Kemajuan Kewangan setakat bulan November 2014 mendapati 17 daripada 20 buah projek mencegah banjir yang dilaksanakan telah siap sepenuhnya dalam tempoh yang ditetapkan. Manakala 3 buah projek masih dalam pembinaan antara 85% hingga 99% siap. Setakat bulan November 2014, sejumlah RM90.07 juta atau 97.32% daripada RM92.55 juta telah dibelanjakan. Semakan selanjutnya mendapati 2 daripada 6 projek dalam pembinaan telah lewat dari tempoh yang ditetapkan dengan lanjutan masa antara 3 hingga 24 bulan. Butiran status projek adalah seperti di **Jadual 1.3**.

Jadual 1.3
Status Projek Mencegah Banjir Tahun 2011 Hingga November 2014 Di Negeri Sabah

Aktiviti Projek Mencegah Banjir	Siap		Bilangan Projek	Kos Projek (RM Juta)	Lewat Siap	
	Bilangan Projek	Kos Projek (RM Juta)			EOT	Bilangan
RMB	5	13.63	1	3	5	30
RTB	6	34.16	-	-	-	-
RSB	3	12.75	5	29.01	1-4	3-14
Jumlah	14	60.54	6	32.01		

Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Sabah

Pada pendapat Audit, prestasi pembinaan projek mencegah banjir yang telah diluluskan adalah baik kerana 17 atau 85% daripada 20 projek telah siap sepenuhnya.

1.4.2. Projek Lewat Disiapkan

1.4.2.1. Projek hendaklah disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan seperti dalam terma kontrak untuk memastikan golongan sasaran mendapat faedah daripada projek yang siap dilaksanakan.

1.4.2.2. Projek Rancangan Mencegah Banjir (RMB) yang dilaksanakan di Sungai Tawau adalah kerja membaiki saluran Sg. Tawau di Kg. Pasir Putih, Tawau di bawah peruntukan RMKe-10 menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan dengan kos projek bernilai RM3 juta. Tempoh penyiapan projek sebenar seperti yang ditetapkan dalam terma kontrak adalah selama 12 bulan. Butiran projek adalah seperti di **Jadual 1.4**.

Jadual 1.4
Butiran Projek RMB Sg. Tawau Bypass Kg. Pasir Putih, Tawau

Butiran Projek		
Aktiviti Projek Mencegah Banjir	Rancangan Mencegah Banjir (RMB)	
Nama Projek	Kerja Membaiki Saluran Sg. Tawau Di Kg. Pasir Putih, Tawau	
Kos Projek	RM3.00 Juta	
No Kontrak	JPS/N/SAB/S/112/2011	
Komponen Kerja	i. Pengorekan/Pembesaran Alur Sungai: 1,200 meter panjang dan 120 meter lebar.	
Tempoh Projek	Tarikh Mula: 10.10.2011	Tarikh Sepatutnya Siap: 9.10.2012
Nama Kontraktor	Kasah Enterprise Sdn. Bhd.	

Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Sabah

1.4.2.3. Bagaimanapun, lawatan Audit pada 4 Mac 2014 mendapati projek ini belum siap sepenuhnya. Status pelaksanaan kerja pengorekan dan melebarkan sungai hanya sepanjang 1,000 meter atau 83.3% serta pembinaan benteng hanya sepanjang 2,000 meter atau 87.0%. Sebanyak lima lanjutan masa telah diluluskan antara 9 Oktober 2012 hingga 9 April 2015 selama 30 bulan daripada tarikh sepatutnya projek siap.


1.4.2.4. Keempat-empat lanjutan masa diluluskan kerana kerja-kerja pemindahan penduduk kampung yang berada di jajaran sungai masih belum selesai. Sebanyak 60 buah rumah yang terlibat dalam pemindahan seperti di **Gambar 1.1** dan **Gambar 1.2**.

Gambar 1.1
Lokasi 60 Buah Rumah Setinggan Yang Perlu Diambil Alih



Sumber: Google Earth

Gambar 1.2
60 Buah Rumah Setinggan Yang Perlu Diambil Alih



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Pasir Putih, Tawau
Tarikh: 4 Mac 2014

1.4.2.5. Merujuk kepada minit mesyuarat Jawatankuasa Pemindahan 60 Buah Bangunan Di Kg. Pasir Putih Bil. 4, seramai 49 pemilik rumah telah bersetuju untuk pindah manakala 11 pemilik rumah tidak bersetuju dan menolak pemberian pampasan yang ditawarkan. Operasi bersepadu perobohan 60 rumah telah dijalankan mulai 7 Mei 2014 bersama-sama pihak MPT, JTU, SESB, Jabatan Air dan PDRM.

1.4.2.6. Projek ini dijangka dapat membantu mengurangkan masalah banjir di kawasan yang disasarkan terutamanya Kg. Pasir Putih, Tawau. Kegagalan menyiapkan projek mengikut tempoh yang ditetapkan menyebabkan masyarakat setempat lewat mendapat manfaat daripada projek tersebut. Semakan terhadap laporan kekerapan banjir yang dikeluarkan oleh Bahagian Hidrologi, JPS Sabah mendapati kejadian banjir telah berlaku sebanyak 6 kali di Kg. Pasir Putih pada tahun 2013 seperti di **Jadual 1.5. Berdasarkan maklum balas bertarikh 15 Oktober 2014, pihak JPS telah membawa isu rumah setinggan kepada Mesyuarat JK One-Stop-Agency (OSA) untuk tindakan selanjutnya. Selain itu, maklum balas pada 20 Oktober 2014, pihak Jabatan Peguam Besar Negeri Sabah, JPS dan agensi berkaitan dalam proses mengambil tindakan perundangan bagi menyelesaikan isu perpindahan penduduk setinggan di tapak projek. Proses ini dijangka dapat diselesaikan dalam tempoh 6 bulan.**

**Jadual 1.5
Butiran Kejadian Banjir Di Kg. Pasir Putih, Tawau Pada Tahun 2013**

Bil.	Tarikh	Purata Jumlah Lebat Hujan (mm)	Tempoh Hujan/Banjir
1.	14.01.2013	71.0	7 jam
2.	16.01.2013	57.0	7 jam
3.	28.03.2013	70.0	2 jam
4.	03.04.2013	4.0	7 jam
5.	19.04.2013	41.0	2 jam
6.	10.06.2013	58.5	4 jam

Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Sabah

Pada pendapat Audit, masalah memindahkan penduduk setinggan sepertutnya telah diambil kira sebelum projek ditender bagi mengelakkan pelaksanaan projek tertangguh melebihi 2 tahun daripada jadual asal.

1.4.3. Penyenggaraan Sungai/Parit

1.4.3.1. Kejadian banjir boleh dikurangkan apabila sistem pengaliran air seperti parit dan sungai berfungsi dengan baik dan teratur terutamanya di kawasan projek mencegah banjir. Sistem pengaliran ini berfungsi dengan baik apabila penyenggaraan dilaksanakan secara berkala. Pemeriksaan Audit terhadap 14 projek mencegah banjir yang telah siap mendapati 6 projek disenggara melalui kontrak secara berkala, 4 projek disenggara secara *ad-hoc* dan 4 projek tidak disenggara.

1.4.3.2. Lawatan Audit terhadap 4 projek mencegah banjir yang tidak mempunyai kontrak penyenggaraan mendapati parit ditumbuh dengan rumput dan semak samun, berlaku mendapan tanah, timbunan sampah sarap dan tebing konkrit parit runtuh seperti di **Gambar 1.3** hingga **Gambar 1.6**. Berdasarkan makluman pegawai yang bertanggungjawab, keadaan ini menghalang kelancaran pengaliran air yang boleh menyebabkan banjir.

Gambar 1.3
Tumbuhan Menutup Saluran Parit



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Kg. Jawa, Lahad Datu
Tarikh: 14 Julai 2014

Gambar 1.4
Sampah-sarap Menutup Saluran Culvert



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Assam, Lahad Datu
Tarikh: 14 Julai 2014

Gambar 1.5
Tumbuhan Menutup Saluran Parit



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pekan Beaufort
Tarikh: 2 April 2014

Gambar 1.6
Tumbuhan Menutup Saluran Parit



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sg. Dambai, Menggatal
Tarikh: 22 Julai 2014

1.4.3.3. Perkara ini berlaku disebabkan peruntukan penyenggaraan tidak disediakan untuk projek yang telah siap. Kesan daripada tidak ada penyenggaraan, kelancaran pengaliran air terganggu dan boleh menyebabkan banjir kilat serta merosakkan kemudahan saliran tersebut. Semakan terhadap laporan kekerapan banjir yang dikeluarkan oleh Bahagian Hidrologi, JPS Sabah mendapati kejadian banjir di daerah Lahad Datu berlaku sebanyak sekali pada tahun 2012. Manakala daerah Beaufort dan Kota Kinabalu mengalami kejadian banjir pada tahun 2011 dan 2013. Butiran kekerapan banjir bagi tiga daerah sepanjang tahun 2011 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 1.6**.

Berdasarkan maklum balas bertarikh 15 Oktober 2014, pihak JPS telah memohon peruntukan tambahan tahunan bagi program penyenggaraan sistem saliran utama dan projek-projek mencegah banjir yang dibina. Disebabkan oleh peruntukan yang diluluskan tidak mencukupi, kerja penyenggaraan dilaksanakan secara ad-hoc.

Jadual 1.6
Taburan Kekerapan Banjir Bagi Tahun 2011 Hingga 2013

Bil.	Daerah	Kekerapan Berlaku Banjir Mengikut Daerah					
		2011		2012		2013	
		Bil. Berlaku Banjir	Bil. Kawasan Terlibat	Bil. Berlaku Banjir	Bil. Kawasan Terlibat	Bil. Berlaku Banjir	Bil. Kawasan Terlibat
1.	Lahad Datu	0	0	1	1	0	0
2.	Beaufort	2	81	0	0	1	9
3.	Kota Kinabalu	1	1	0	0	2	11

Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Sabah

Pada pendapat Audit, program penyenggaraan terhadap 14 projek mencegah banjir adalah memuaskan kerana 6 projek mencegah banjir telah disenggara secara berkala. Bagaimanapun, projek yang tidak mempunyai program penyenggaraan wajar diberi perhatian.

1.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan projek mencegah banjir dapat dilaksanakan dengan cekap dan mencapai matlamat yang ditetapkan, adalah disyorkan Jabatan Pengairan Dan Saliran mengambil langkah-langkah seperti berikut:

1.5.1. Memastikan proses pengambilan tapak tanah diselesaikan terlebih dahulu sebelum projek ditender.

1.5.2. Memastikan penyenggaraan dilaksanakan terhadap semua sistem pengairan dan saliran yang ada agar projek mencegah banjir berfungsi dengan berkesan.

PIHAK BERKUASA PEMBANGUNAN EKONOMI DAN PELABURAN SABAH


2. PENGURUSAN PUSAT PENTERNAKAN BERSEPADU KENINGAU (KILC)

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Pusat Penternakan Bersepadu Keningau (KILC) dibangunkan pada tahun 2012. Ia merupakan sebahagian daripada inisiatif *Sabah Interior Food Valley* di bawah Koridor Pembangunan Sabah (SDC) dan agensi peneraju utama adalah Pihak Berkusa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDA). KILC merupakan pusat ternakan berskala besar yang pertama seumpamanya di Malaysia. KILC dijangka dapat menghasilkan sebanyak 2,000 ekor lembu yang boleh membekalkan kuantiti susu sebanyak 4.8 juta liter setahun.

2.1.2. Antara tujuan utama KILC adalah menjadi pengeluar utama *heifers*, *semen lembu* dan model contoh bagi ladang ternakan tenua. KILC terletak di Daerah Kecil Sook di bawah pentadbiran Pejabat Daerah Keningau dan melibatkan kawasan seluas 541 ekar seperti di **Peta 2.1**.

**Peta 2.1
Lokasi KILC**



Sumber: Pihak Berkusa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDA)

2.1.3. Projek KILC dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan yang disalurkan melalui Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) kepada SEDA. Projek KILC telah dibangunkan berdasarkan sistem perladangan 3-tier iaitu Nukleus, *Multiplier* dan Komersial. Fasa pertama

melibatkan pembangunan Pusat Nukleus dengan visi untuk menjadikan KILC sebagai pusat penternakan utama untuk tenusu dan daging di rantau ini. Peruntukan untuk projek Ladang Nukleus fasa 1 berjumlah RM61 juta, manakala kos keseluruhan projek untuk 3 fasa apabila siap sepenuhnya dianggarkan berjumlah RM700 juta seperti di **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1
Kos Projek Yang Diluluskan Bagi Ladang Nukleus KILC

KILC Nucleus	Tahun Laksana	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Perbelanjaan (%)	Aktiviti/Komponen
Fasa 1 – Ladang Nukleus (Pelaburan Awam)	Nov. 2011 sehingga 2014	61.0	56.26	92.2	<ul style="list-style-type: none"> • Infrastruktur Ladang • Ternakan Lembu (500 ekor) • Pastura
Fasa 2 – Ladang Nukleus (Pelaburan Swasta)	TB	58.2	Dalam Perancangan		<ul style="list-style-type: none"> • Infrastruktur Ladang • Ternakan Lembu (2,000 ekor)
Fasa 3 – <i>Multiplier</i> dan Komersial	TB	580.0	Dalam Perancangan		<ul style="list-style-type: none"> • Penggandaan Ternakan • Komersial
Jumlah		699.2	56.26		

Sumber: Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDAIA)

Nota: TB – Tidak Berkenaan

2.1.4. Pelaksanaan projek infrastruktur KILC melibatkan 2 fasa utama seperti berikut:

Fasa 1: Infrastruktur Asas, Bangunan dan Mesin/ Kelengkapan yang siap sepenuhnya pada 8 Oktober 2013 terdiri daripada 9 komponen iaitu *Feedmill & Workshop*; *Cow Barns Line 1 & 2*; Blok Pentadbiran; Kawasan Rawatan/ *Treatment Area*; Pondok Pusat Pengawal & Pemeriksaan; *Milking Parlour & Calves Unit*; *Docking Barn*; Sistem Pembentungan Najis Lembu/ *Cow Sewerage System* dan Kuarters Kakitangan.

Fasa 2 : Bangunan (tambahan) terdiri daripada 7 komponen iaitu *Cow Barns Line 3 & 4*; *Docking Barn*; *Milking Parlours & Calves Unit*; Sistem Pembentungan Najis Lembu/ *Cow Sewerage System*; Kuarters Kakitangan; *Fattening Barns Line 1, 2, 3 & 4* dan *Breeding Block Central Performance Testing (CPT) Lab*.

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada Pengurusan Pusat Penternakan Bersepadu Keningau (KILC) telah dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berkesan serta mencapai objektif yang ditetapkan.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek pengurusan projek Fasa 1 KILC – Ladang Nukleus termasuk perancangan, pelaksanaan dan pemantauan untuk tempoh 3 tahun iaitu dari tahun

2012 hingga 2014. Bagaimanapun, maklumat-maklumat tambahan sebelum tahun 2012 juga digunakan untuk menilai keberkesanan pelaksanaan projek ini. Pengauditan dijalankan dengan menyemak dokumen, fail dan kontrak berkaitan di peringkat ibu pejabat SEDIA Kota Kinabalu, Pejabat SEDIA di Kimanis dan tapak projek KILC di Sook, Keningau. Selain itu, lawatan dan pemeriksaan Audit turut dibuat ke tapak projek bagi mengesahkan projek ini dilaksanakan mengikut perancangan yang ditetapkan. *Exit Conference* bersama Ketua Pegawai Eksekutif SEDIA telah diadakan pada 2 Februari 2015 yang turut dihadiri oleh Pengarah Seksyen Pembangunan Koridor, Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS).

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Disember 2014, secara keseluruhannya mendapati pengurusan KILC adalah baik dari segi prestasi kewangan dan fizikal. Prestasi kewangan telah mencapai 92% perbelanjaan daripada jumlah peruntukan RM61 juta. Sementara infrastruktur utama seperti jalan masuk, pagar, sistem pengairan dan saliran, bekalan elektrik dan air, serta bangunan pentadbiran, rumah kakitangan, *cow barn*, *docking yard*, *feedmill*, bengkel, *milking parlours* dan *breeding block* yang bermula pada 2 November 2011 dan siap dibina pada 8 Oktober 2013. Tempoh tanggungan kecacatan adalah selama 12 bulan berakhir pada 8 Oktober 2014. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan projek seperti berikut:

- Sasaran pengeluaran susu tidak tercapai.
- Beberapa kerosakan kecil belum dibaiki dan ruang penyimpanan jentera tidak disediakan.
- Pengisian guna tenaga kritikal tidak dibuat.

2.4.1. Prestasi Pencapaian Projek

2.4.1.1. Sasaran Pengeluaran Susu Tidak Tercapai

- a. Projek KILC dibangunkan bertujuan untuk dijadikan kawasan penternakan lembu tenusu nukleus bersepadu dan komersial. Dalam Pelan Utama Pelaksanaan KILC Ladang Nukleus Fasa 2, jangkaan pengeluaran susu adalah 4.8 juta liter setahun berdasarkan bilangan lembu tenusu sebanyak 1,600 ekor atau 80% daripada jumlah 2,000 ekor lembu yang diternak pada masa itu. Pengeluaran ini dirancang secara berperingkat di mana bagi Fasa 1, sebanyak 500 ekor lembu tenusu betina dan 10 ekor lembu pejantan diternak. Anggaran pengeluaran susu setahun bagi 400 ekor lembu tenusu atau 80% daripada jumlah yang diternak bagi Fasa 1 Ladang Nukleus adalah 1.2 juta liter. Semakan Audit mendapati pencapaian pengeluaran susu sebenar pada tahun 2013 dan 2014 (setakat September 2014), masing-masing sebanyak 119,649 liter (9.9%) dan 480,654 liter (40.0%) adalah rendah berbanding sasaran pengeluaran susu sebanyak 1.2 juta liter. Antara sebab sasaran tidak dapat dicapai adalah seperti di perenggan berikut:

i. Purata Pengeluaran Susu Harian Bagi Seekor Lembu Tenusu Rendah

Berdasarkan Pelan Utama Pelaksanaan KILC, sasaran purata pengeluaran harian susu bagi seekor lembu tenusu ditetapkan antara 12 hingga 15 liter. Menurut Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak Sabah (JPHPT), purata pengeluaran susu seekor lembu tenusu sehari sebanyak 10 liter adalah munasabah dan boleh mendatangkan keuntungan. Semakan Audit mendapati purata pengeluaran harian susu sebenar bagi seekor lembu tenusu bagi tahun 2014 adalah rendah berbanding sasaran dengan purata pencapaian antara 3.63 hingga 8.48 liter seperti di **Jadual 2.2**.

Jadual 2.2
Purata Pengeluaran Susu Harian Bagi Seekor Lembu Tenusu
Bagi Bulan Januari Hingga September 2014

Bil.	Perkara	2014									
		Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sep	Jumlah
1.	Jumlah Susu (Liter)	97,690	79,317	68,895	55,586	47,763	38,185	33,148	31,033	29,037	480,654
2.	Kekerapan Perahan Susu (Kali)	11,518	9,785	9,591	8,611	8,493	8,423	9,121	4,743	4,822	75,107
3.	Purata (Liter)	8.48	8.11	7.18	6.45	5.62	4.53	3.63	6.54	6.02	6.31

Sumber: Pusat Penternakan Bersepadu Keningau (KILC)

ii. Purata Bilangan Lembu Perah (*Milking Cow*) Adalah Rendah

Sasaran peratusan bagi lembu perah (*milking cow*) sehari yang dijangka adalah 80% atau sebanyak 400 ekor daripada jumlah lembu tenusu. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati purata lembu perah antara bulan Januari hingga September 2014 adalah rendah berbanding sasaran seperti di **Jadual 2.3**.

Jadual 2.3
Bilangan Lembu Perah (*Milking Cow*) Di KILC Bagi Bulan Januari Hingga September 2014

Bil.	Perkara	Anggaran Purata Sehari	2014									Jumlah
			Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sep	
1.	Kekerapan Perahan Susu (Kali)	146,000	11,518	9,785	9,591	8,611	8,493	8,423	9,121	4,743	4,822	75,107
2.	Jumlah Hari	365	31	28	30	30	31	30	31	31	30	272
3.	Purata Bilangan Lembu Perah (Ekor)	400	371	349	319	287	273	280	294	153	160	276

Sumber: Pusat Penternakan Bersepadu Keningau (KILC)

iii. Operator Utama Menarik Diri

Di bawah cadangan *SPV Shareholding Agreement*, Sawit Kinabalu Sdn. Bhd. merupakan Syarikat Berkaitan Kerajaan yang dikenal pasti sebagai operator utama penternakan lembu tenusu KILC bagi kawasan seluas 541 ekar. Sawit Kinabalu Sdn. Bhd. dipilih disebabkan syarikat ini mempunyai pengalaman dalam

aktiviti penternakan lembu secara bersepadu dan mengambil alih operasi KILC pada 4 September 2013. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati syarikat ini telah menarik diri pada 11 Julai 2014 kerana cadangan untuk melabur dalam projek KILC tidak diluluskan oleh Lembaga Pengarah Sawit Kinabalu Sdn. Bhd. Ketiadaan operator yang berpengalaman memberi kesan secara tidak langsung kepada pengeluaran susu lembu di KILC.


- b. Berdasarkan maklum balas bertarikh 25 Februari 2015, pihak SEDIA telah membuat penilaian melalui perbandingan antara Kajian Pelan Induk yang dilaksanakan pada tahun 2010 dengan pengalaman SEDIA setelah menguruskan operasi ladang ternakan lembu selama 12 bulan. Penilaian atas mendapati sasaran yang ditetapkan adalah kurang realistik dan kajian tambahan perlu dibuat untuk mengatasi isu-isu yang timbul. Pihak Pengurusan SEDIA juga telah bersetuju melantik *Institute for Development Studies Sabah (IDS)* untuk melaksanakan Kajian Tambahan Pelan Induk KILC mengikut skop dan terma rujukan yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit, pencapaian pengeluaran susu setahun bagi tahun 2013 dan 2014 adalah tidak memuaskan kerana pengeluaran sebenar susu adalah kurang berbanding sasaran tahunan.

2.4.1.2. Kerosakan Kecil Belum Dibaiki Dan Ruang Penyimpanan Jentera Tidak Disediakan.


- a. Terma Kontrak Pembinaan Bangunan (*Building Works*) menetapkan kontraktor adalah bertanggungjawab untuk membaiki kerosakan binaan infrastruktur dalam tempoh tanggungan kecacatan iaitu 12 bulan selepas tarikh siap yang berakhir pada 8 Oktober 2014. Lawatan Audit ke KILC pada 8 dan 10 Oktober 2014 mendapati kerosakan kecil di bangunan pentadbiran seperti kebocoran siling di bahagian *viewing stage*, tandas dan ruang pejabat belum dibaiki oleh pihak kontraktor. Begitu juga didapati pemasangan *railing* tidak kemas dan tidak disimen. Antara kerosakan tersebut adalah seperti di **Gambar 2.1** hingga **Gambar 2.3**.

Gambar 2.1
Resapan Air Pada Siling



Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia
Lokasi: Pejabat Pentadbiran KILC Sook, Keningau
Tarikh: 10 Oktober 2014

Gambar 2.2
Pemasangan G.I Railing Tidak Kemas



Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia
Lokasi: Hard Standing KILC Sook, Keningau
Tarikh: 8 Oktober 2014

Gambar 2.3
G.I Railing (Vertical Pipe) Tidak Disimen



Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia
Lokasi: Treatment Area KILC Sook, Keningau
Tarikh: 10 Oktober 2014

- b. Berdasarkan maklum balas bertarikh 25 Februari 2015, pihak SEDIA menyatakan bahawa pihak perunding dan Jabatan Pengurusan Projek SEDIA telah mengadakan pemeriksaan bersama (*joint inspection*) pada 9 Februari 2015 untuk meneliti dan menilai kemajuan kontraktor setelah genap tempoh tanggungan kecacatan (*Defects Liability Period*). Pihak perunding perlu membuat rekomendasi kepada SEDIA sekiranya kontraktor gagal membaik pulih kecacatan yang belum disempurnakan.
- c. Beberapa buah jentera didapati disimpan di kawasan terbuka seperti di **Gambar 2.4** dan **Gambar 2.5** kerana tiada tempat penyimpanan berbumbung disediakan.

Gambar 2.4
Fertilizer Broadcasters Tidak Disimpan Di Ruang Berbumbung
Menyebabkan Peralatan Berkarat



Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia
Lokasi: Ruang Berdekatan Docking Area, KILC Sook, Keningau
Tarikh: 8 Oktober 2014

Gambar 2.5
Rotovator Tidak Disimpan Di Ruang Berbumbung



Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia
Lokasi: Ruang Berdekatan Docking Area, KILC Sook, Keningau
Tarikh: 8 Oktober 2014

- d. Mengikut maklum balas bertarikh 25 Februari 2015, pihak SEDIA menyatakan bahawa kerja-kerja pembinaan tempat meletak/menyimpan jentera dan peralatan ladang telah dimulakan pada awal Januari 2015.

2.4.2. Pengisian Guna Tenaga Kritikal Tidak Dibuat

2.4.2.1. Mengikut pelan utama KILC, keperluan guna tenaga pada kapasiti penuh adalah seramai 38 orang kakitangan (minimum) yang diketuai seorang Pengurus Ladang. Beberapa jawatan penting telah dicadangkan seperti Doktor/Pegawai Haiwan, Penolong Pegawai Haiwan dan Penolong Pegawai Pertanian. Semakan Audit mendapati, seramai 45 orang telah diambil bekerja di KILC. Bagaimanapun, tiada pakar penternakan yang ditempatkan di KILC untuk menjaga dan memantau operasi ternakan. Jawatan ini tidak diisi disebabkan kesukaran mencari calon yang sesuai dan berminat berkhidmat diluar bandar. Senarai perjawatan KILC adalah seperti di **Jadual 2.4**.

Jadual 2.4
Senarai Perjawatan KILC Setakat Oktober 2014

Bil.	Jawatan	Lulus	Isi	Kosong	Catatan
A. Bahagian Pengurusan					
1.	Pengurus / Pembantu Pengurus Ladang	1	1	0	
2.	Pembantu Khas/Kerani	1	1	0	
3.	Eksekutif Akaun	1	0	1	
4.	Pekerja Am	0	4	(4)	
B. Bahagian Pemasaran					
5.	Eksekutif Pemasaran	1	0	1	
C. Bahagian Ladang Tensus					
6.	Pegawai/Doktor Haiwan	1	0	1	Guna tenaga kritikal
7.	Penolong Pegawai Haiwan	2	0	2	Guna tenaga kritikal
8.	Pekerja Am	8	20	(12)	
D. Bahagian Pengurusan Padang Rumput					
9.	Penolong Pegawai Pertanian	1	0	1	Guna tenaga kritikal
10.	Pekerja Am	4	4	0	
11.	Kesihatan (<i>Health</i>)	2	0	2	
12.	Pemandu	2	6	(4)	
E. Bahagian Kesihatan dan Pembiakan Ternakan					
13.	Pegawai Haiwan	1	0	1	Guna tenaga kritikal
14.	Penolong Pegawai Haiwan	2	0	2	Guna tenaga kritikal
15.	Pekerja Am	4	3	1	
16.	Juruteknik <i>Artificial Insemination (AI)</i>	2	2	0	
F. Bahagian Pengurusan Makanan Ternakan (Baja)					
17.	Penyelia	1	1	0	
18.	Pekerja Am	4	3	1	
Jumlah		38	45	(7)	

Sumber: Pusat Penternakan Bersepadu Keningau (KILC)

2.4.2.2. Semakan selanjutnya mendapati, tiada juruelektrik dan mekanik yang berkelayakan ditempatkan di KILC menyebabkan masalah teknikal berkaitan elektrik dan pemberian kecil jentera ladang lewat diatasi. Kos pemeriksaan dan pemberian meningkat kerana KILC terpaksa mendapatkan tenaga luar untuk melakukan kerja-kerja pemberian elektrik, jentera dan peralatan.

2.4.2.3. Berdasarkan maklum balas bertarikh 25 Februari 2015, pihak SEDIA menyatakan bahawa pihak KILC pada masa ini diketuai oleh seorang Pengurus Ladang sepenuh masa dan disokong oleh pegawai teknikal untuk membantu dalam pengurusan penyelenggaraan dan pegawai pentadbiran dalam hal-hal pentadbiran dalaman. Pihak SEDIA juga akan melantik 3 orang pakar penternakan berasal daripada Negara Filipina disebabkan kekurangan tenaga kerja dalam bidang Penternakan Komersial di Malaysia. Ketiga-tiga orang pakar ini mempunyai pengalaman antara 7 hingga 20 tahun di dalam bidang yang berkaitan dan pernah berkhidmat di Arab Saudi. Pakar-pakar penternakan ini dijangka akan mula berkhidmat pada bulan Mac 2015 untuk melatih dan menyelia operasi ladang sepenuh masa.

Pada pendapat Audit, pengisian guna tenaga adalah penting dan perlu diisi dengan segera.

2.5. SYOR AUDIT

Bagi tujuan penambahbaikan dan mengatasi kelemahan yang telah dibangkitkan, pihak Audit mengesyorkan Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi Dan Pelaburan Sabah (SEDA) mengambil tindakan mengisi jawatan pakar haiwan yang berpengalaman dan bersesuaian untuk bekerja di KILC dengan segera bagi membantu meningkatkan pengeluaran susu.

MAJLIS PERBANDARAN SANDAKAN

MAJLIS DAERAH TUARAN

3. PENGURUSAN PEROLEHAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Sabah ditubuhkan di bawah Ordinan Kerajaan Tempatan, 1961 (No. 11) berkuatkuasa pada 1hb. Januari 1962 di bawah GN No. 134 bertarikh 15 November 1961. PBT di Sabah adalah sebanyak 24 buah yang terdiri daripada 1 Dewan Bandaraya, 2 Majlis Perbandaran, 1 Lembaga Perbandaran dan 20 Majlis Daerah. Objektif utama penubuhan PBT adalah untuk menyelia dan menyenggara kemudahan awam dan infrastruktur serta mempertingkatkan mutu perkhidmatan dan kemudahan awam untuk masyarakat setempat. Pengurusan perolehan PBT adalah tertakluk kepada peraturan dan undang-undang seperti Ordinan Kerajaan Tempatan 1961, Arahan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Sabah, Undang-undang Kecil PBT, Arahan Perbendaharaan, dan pekeliling-pekeliling yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah dari semasa ke semasa. Perolehan yang dijalankan oleh pihak PBT adalah dilaksanakan mengikut kaedah Pembelian Terus, Sebut harga, Tender dan Lantikan/Pemberian Terus. Perolehan yang dibuat berteraskan aspek akauntabiliti awam, integriti, ekonomi, cekap dan berkesan serta mengambil kira kepentingan Kerajaan. Kajian pasaran juga perlu dibuat bagi memperolehi kerja/perkhidmatan/bekalan yang *value for money*.

3.1.2. Perolehan yang dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Sandakan (MPS) dan Majlis Daerah Tuaran (MDT) adalah sebanyak 5,829 dan 1,056 yang bernilai RM81.22 juta dan RM29.13 juta bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014. Perolehan yang dilaksanakan ini adalah melalui dana Majlis, peruntukan Kerajaan Negeri Sabah dan peruntukan Kerajaan Persekutuan. Perolehan MPS dan MDT bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 mengikut kaedah perolehan adalah seperti di **Jadual 3.1**.

Jadual 3.1
Perolehan MPS dan MDT Bagi Tempoh Tahun 2012 hingga 2014

PBT	Tahun	Pembelian Terus		Sebut Harga		Tender/Lantikan Terus		Jumlah Keseluruhan	
		Bil.	Nilai (RM Juta)	Bil.	Nilai (RM Juta)	Bil.	Nilai (RM Juta)	Bil.	Nilai (RM Juta)
MPS	2012	2,283	7,110,782	48	7,268,692	17	22,857,655	2,348	37.24
	2013	2,224	6,228,928	44	7,524,190	13	10,644,554	2,281	24.40
	September 2014	1,158	4,045,899	34	5,735,953	8	9,807,863	1,200	19.59
Jumlah		5,665	17,385,609	126	20,528,835	38	43,310,072	5,829	81.22
MDT	2012	306	949,539	26	4,624,862	4	5,918,956	336	9.04
	2013	371	2,063,769	53	5,204,210	7	2,961,592	420	9.24
	Oktober 2014	229	946,600	42	4,728,259	14	8,315,220	300	10.85
Jumlah		906	3,959,908	121	14,447,331	25	17,195,768	1,056	29.13

Sumber: Majlis Perbandaran Sandakan dan Majlis Daerah Tuaran

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan perolehan MPS dan MDT telah dilaksanakan dengan cekap, ekonomi dan mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi perolehan yang dilaksanakan oleh MPS dan MDT bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014. Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod, dokumen berkaitan dan lawatan Audit dijalankan untuk setiap projek/perolehan yang dipilih. Temu bual dan perbincangan dengan pegawai yang bertanggungjawab serta kontraktor yang terlibat juga dijalankan. Sampel Audit yang dipilih adalah 18% atau RM19.38 juta daripada jumlah perolehan. Pemilihan sampel Audit adalah berdasarkan kos perolehan yang dilaksanakan. *Exit Conference* bersama Presiden MPS dan Pengerusi MDT telah diadakan pada 3 Februari 2015 yang turut dihadiri oleh wakil dari Kementerian Kewangan Negeri Sabah dan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan September hingga November 2014 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan perolehan bagi MPS dan MDT dari segi penyediaan dokumen kontrak, kualiti kerja dan pemantauan adalah memuaskan. Bagaimanapun, perkara berikut perlu diberi perhatian:

- Pematuhan kepada had nilai perolehan.
- Penyimpanan stok tong sampah.
- Penggunaan kemudahan.
- Kerja pembinaan pondok perhentian bas lewat disiapkan.

3.4.1. Pematuhan Kepada Had Nilai Perolehan

3.4.1.1. Arahan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan, Sabah 1961, Pindaan 2007 menjelaskan perolehan yang dilaksanakan oleh pihak PBT hendaklah mematuhi had nilai perolehan yang telah ditetapkan seperti di **Jadual 3.2**.

Jadual 3.2
Had Nilai Perolehan Pihak Berkua Tempatan

Bil.	Pihak Berkua Tempatan	Jenis Perolehan	Had Nilai (RM)
1.	Majlis Perbandaran Sandakan	Pembelian Terus	Sehingga 2,000
		Sebut Harga	2,001 hingga 40,000
		Tender	40,001 ke atas memerlukan kelulusan KKT&P
2.	Majlis Daerah Tuaran	Pembelian Terus	Sehingga 2,000
		Sebut Harga	2,001 hingga 25,000
		Tender	25,001 ke atas memerlukan kelulusan KKT&P

Sumber: Majlis Perbandaran Sandakan dan Majlis Daerah Tuaran

3.4.1.2. Semakan Audit terhadap perolehan bekalan yang dilaksanakan oleh MPS mendapati perolehan setahun bagi perabot telah melebihi had nilai pembelian terus. Manakala perolehan setahun bagi peralatan ICT, kertas, tayar dan *toner* telah melebihi had nilai perolehan sebut harga.

3.4.1.3. Semakan Audit terhadap perolehan bekalan yang dilaksanakan oleh MDT pula mendapati perolehan setahun bagi perabot, minyak hidraulik, tayar dan *toner* adalah melebihi had nilai pembelian terus. Perolehan bagi minyak hidraulik dan tayar bagi MDT telah dilaksanakan semasa penyenggaraan kenderaan. Maklumat lanjut berkenaan perolehan yang dilaksanakan oleh MPS dan MDT bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 adalah seperti di **Jadual 3.3** dan **Jadual 3.4**.

Jadual 3.3
Perolehan Melebihi Had Nilai Pembelian Terus RM2,000 Setahun Bagi MPS Dan MDT Dibuat Secara Pembelian Terus

Bil.	Tahun	Jenis Item	Bilangan Pembekal	Jumlah Setahun (RM)
MPS				
1.	2012	Perabot	2	19,166
	2013		1	22,635
MDT				
1.	2012	Perabot	4	32,478
	2013		3	46,365
	2014*		4	20,364
2.	2012	Minyak Hidraulik	1	9,925
	2013		1	13,011
	2014*		1	6,336
3.	2012	Tayar	1	17,960
	2013		2	23,560
	2014*		2	9,220
4.	2012	Toner	2	14,636
	2013		2	20,125
	2014*		2	13,698

Sumber: Majlis Perbandaran Sandakan dan Majlis Daerah Tuaran

* Maklumat Perolehan Setakat Bulan September 2014

Jadual 3.4
Perolehan Setahun Melebihi Had Nilai Sebut Harga RM40,000 setahun
Bagi MPS Dibuat Secara Sebut Harga

Bil.	Tahun	Jenis Item	Bilangan Pembekal	Jumlah Setahun (RM)
1.	2012	Peralatan ICT	1	121,975
	2013		1	103,125
2.	2013	Kertas	1	43,055
3.	2012	Tayar	1	133,246
	2013		1	132,886
	2014*		1	80,471
4.	2013	Toner	2	114,303
	2014*		2	124,182

Sumber: Majlis Perbandaran Sandakan

* Maklumat Perolehan Setakat Bulan Ogos 2014

3.4.1.4. Berdasarkan **Jadual 3.3**, perolehan oleh MPS bagi perabot dan MDT untuk barang perabot, minyak hidraulik, tayar dan *toner* sepatutnya dilaksanakan melalui tatacara sebut harga. Manakala **Jadual 3.4** menunjukkan perolehan melalui sebut harga bagi peralatan ICT, kertas, tayar dan *toner* oleh pihak MPS yang sepatutnya dilaksanakan melalui tatacara tender dan mendapat kelulusan daripada Setiausaha Tetap Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.

3.4.1.5. Perkara Ini berlaku kerana pihak MPS dan MDT tidak membuat analisis terhadap keperluan tahunan bagi item-item tersebut dan tiada perancangan perolehan yang teliti dibuat. Jika tatacara sebut harga/tender dipatuhi, pihak MPS dan MDT boleh mendapat harga yang terbaik melalui persaingan harga.

3.4.1.6. Maklum balas MPS bertarikh 16 Januari 2015 dan MDT bertarikh 22 Januari 2015, pihak Majlis akan mengambil tindakan untuk membetulkan kaedah perolehan dengan menggunakan tatacara yang sepatutnya mulai tahun 2015.

Pada pendapat Audit, perolehan yang tidak mematuhi had nilai perolehan yang ditetapkan adalah tidak selaras dengan Arahan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan, 1961 Pindaan Tahun 2007. Sekiranya had nilai tidak dapat dipatuhi, kelulusan pengecualian hendaklah diperolehi terlebih dahulu bagi melaksanakan perolehan pembelian terus.

3.4.2. Penyimpanan Stok Tong Sampah

3.4.2.1. Penyimpanan aset alih Kerajaan hendaklah di tempat yang selamat dan sentiasa di bawah kawalan pegawai yang bertanggungjawab. Tempat yang sesuai adalah perlu agar aset yang dibeli tidak terdedah dan mudah rosak.

3.4.2.2. Semakan Audit terhadap perolehan bagi 400 buah tong sampah (500 liter ‘Round Chute Bin HDPE) bernilai RM304,000 telah diterima oleh MPS melalui 6 penghantaran. Penerimaan terakhir adalah pada 25 Mei 2014. Semakan Audit terhadap daftar stok mendapati ianya telah direkod dengan lengkap. Lawatan Audit ke Stor MPS pada 2 Oktober 2014 mendapati keadaan penyimpanan stok tong sampah tersebut tidak bersesuaian kerana terdedah kepada cuaca panas dan hujan. **Gambar 3.1** dan **Gambar 3.2** menunjukkan keadaan penyimpanan tong sampah di stor MPS.

Gambar 3.1
400 Buah Tong Sampah Di Stor MPS



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor MPS
Tarikh: 2 Oktober 2014

Gambar 3.2
Bumbung Dibina Untuk Penyimpanan Stok



Sumber: Majlis Perbandaran Sandakan
Lokasi: Stor MPS
Tarikh: 27 Februari 2015

3.4.2.3. Keadaan ini berlaku kerana agihan dan penggantian tong sampah belum dibuat dan tiada ruang penyimpanan yang bersesuaian. Kesannya, tong sampah tersebut akan cepat rosak. Disyorkan agar pihak MPS memastikan stok tong sampah disimpan di tempat yang sesuai.

3.4.2.4. **Maklum balas MPS bertarikh 16 Januari 2015, pembelian tong sampah tersebut adalah untuk ditempatkan di saluran sampah (*refuse chute*) di bangunan bertingkat dan rumah sampah awam. Pengagihan akan dibuat mengikut keperluan menggantikan tong sampah yang rosak sahaja. Pihak MPS juga telah memasang bumbung agar tong sampah tersebut tidak terdedah kepada cuaca panas dan hujan.**

3.4.3. Penggunaan Kemudahan

3.4.3.1. Setiap projek pembangunan yang dilaksanakan haruslah digunakan mengikut tujuan pembinaannya bagi mengelak pembaziran wang kerajaan.

3.4.3.2. Daripada 49 sampel Audit yang dipilih, pihak Audit melawat projek Menaik Taraf Bekas Surau Kampung Serusup Dijadikan Dewan Serba guna, Tuaran mendapat dewan tersebut tidak digunakan sejak dinaik taraf pada tahun 2012. Kos projek tersebut adalah

berjumlah RM189,000. Pihak Audit dimaklumkan bahawa penaiktarafan dewan serba guna tersebut untuk digunakan sebagai pusat pameran kebudayaan dan sejarah kampung tersebut. Lawatan Audit pada 10 November 2014 mendapati keadaan dewan tersebut tidak terurus dengan keadaan rumput panjang serta sampah di sekitarnya. **Gambar 3.3** dan **Gambar 3.4** menunjukkan keadaan sekitar dewan tersebut.

Gambar 3.3
Halaman Dewan Serba guna



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Serusup, Tuaran
Tarikh: 10 November 2014

Gambar 3.4
Kawasan Hadapan Dewan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Serusup, Tuaran
Tarikh: 10 November 2014

3.4.3.3. Maklum balas MDT bertarikh 3 Februari 2015, pihak MDT telah menasihatkan pihak JKKK Kampung Serusup untuk menjaga dan menggunakan bangunan tersebut sepermata permohonan sebelum ini untuk dijadikan dewan serba guna. Selain itu, penggunaan dewan serba guna ini dibuka kepada orang awam untuk menjalankan aktiviti seperti Pertubuhan Bukan Kerajaan, Puspanita dan lain-lain.

Pada pendapat Audit, penggunaan Dewan Serba guna, Kg. Serusup Tuaran tidak memuaskan kerana tidak digunakan sejak dinaiktaraf pada tahun 2012.

3.4.4. Kerja Pembinaan Pondok Perhentian Bas Lewat Disiapkan

3.4.4.1. Setiap projek yang ditawarkan kepada kontraktor perlu disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan. Sekiranya kerja-kerja pembinaan tidak dapat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan, pihak kontraktor hendaklah memohon tempoh lanjutan masa penyiapan projek daripada pihak MPS. Pelanjutan masa hanya dibenarkan sekiranya punca kelewatan projek adalah di luar kawalan kontraktor serta memenuhi peraturan dan syarat-syarat yang termaktub di dalam kontrak kerja.

3.4.4.2. Daripada 49 sampel Audit yang dipilih, pihak Audit mendapati projek Membina empat Pondok Perhentian Bas Di Kawasan Sandakan dengan kos berjumlah RM200,000 tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Projek tersebut yang bermula 3 Jun 2014 perlu disiapkan pada 25 Ogos 2014. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 3.5** dan **Gambar 3.5** hingga **Gambar 3.8**.

Jadual 3.5
Pembinaan Pondok Perhentian Bas

Bil.	Lokasi	Status Pembinaan	Tarikh Mula	Tarikh Sepatut Siap	Tempoh Kelewatan (Hari)
1.	SK. Kg. Gas, Sandakan	Belum Mula	3 Jun 2014	25 Ogos 2014	60
2.	Pejabat TMB, Batu 3.5, Jalan Utara, Sandakan	Belum Mula			
3.	Bandar Letat, Batu 4, Jalan Lintas Utara, Sandakan	Dalam Pembinaan			
4.	SMK Agama Tun Juhar, Taman Mawar, Jalan Sibuga, Sandakan	Dalam Pembinaan			

Sumber: Majlis Perbandaran Sandakan

Gambar 3.5
Bahagian Perhentian Bas Yang Belum Siapkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Mawar, Jalan Sibuga, Sandakan
Tarikh: 24 Oktober 2014

Gambar 3.6
Tapak Perhentian Bas Yang Belum Dibina



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SK Kampung Gas, Sandakan
Tarikh: 24 Oktober 2014

Gambar 3.7
Pembinaan Perhentian Bas Baru Bermula



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bandar Letat, Batu 4, Jalan Lintas Utara
Tarikh: 24 Oktober 2014

Gambar 3.8
Perhentian Bas Lama Yang Condong Belum Diganti



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pejabat TMB, Batu 3.5, Jalan Utara
Tarikh: 24 Oktober 2014

3.4.4.3. Lawatan Audit pada 24 Oktober 2014 mendapati 2 buah perhentian bas masih dalam pembinaan. Manakala kerja pembinaan bagi 2 buah lagi belum dimulakan. Semakan Audit juga mendapati tiada permohonan lanjutan masa dibuat sehingga tarikh lawatan Audit dijalankan. **Maklum balas MPS bertarikh 16 Januari 2015, pihak MPS**

telah memberikan lanjutan masa sehingga 8 Disember 2014 dan pencapaian projek terkini adalah 41%. Pihak MPS akan mengesyorkan untuk membatalkan kontrak projek ini dan mempelawa tender baru bagi menyiapkan kerja seterusnya.

Pada pendapat Audit, kerja-kerja pembinaan perhentian bas kurang memuaskan kerana tidak disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan.

3.5. SYOR AUDIT

Bagi tujuan penambahbaikan dan memantapkan lagi pengurusan perolehan, adalah disyorkan Majlis Perbandaran Sandakan dan Majlis Daerah Tuaran mengambil tindakan seperti berikut:

- 3.5.1.** Merancang semua perolehan secara tahunan dan mematuhi peraturan perolehan yang berkuatkuasa.
- 3.5.2.** Memastikan keadaan penyimpanan stok tong sampah adalah bersesuaian agar tidak terdedah kepada cuaca panas dan hujan.
- 3.5.3.** Memastikan projek yang dilaksanakan digunakan agar tidak berlaku pembaziran wang kerajaan.

KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH

4. SAHAM SABAH BERHAD

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Saham Sabah Berhad (SSB) telah ditubuhkan pada 4 Oktober 1994 di bawah Akta Syarikat 1965. SSB dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Sabah dan merupakan pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal untuk bermula dalam sekuriti produk unit amanah, yang dikeluarkan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007. Modal saham dibenarkan SSB berjumlah RM25 juta dan saham berbayar penuh berjumlah RM22 juta.

4.1.2. Objektif penubuhan SSB adalah untuk menguruskan Dana Saham Amanah Sabah (SAS). Aktiviti utama SSB adalah menjalankan operasi dan pengurusan dana SAS termasuk pemasaran dan pengedaran unit, menyediakan semua notis dan laporan yang akan dikeluarkan kepada pemegang unit, menyelenggara akaun dan daftar pemegang unit, membuat pengiraan penilaian unit, memastikan harga dan jualan unit adalah mengikut prosedur dan garis panduan yang dibenarkan.

4.1.3. Ahli Lembaga Pengarah SSB adalah seramai 7 orang terdiri daripada seorang wakil kerajaan dan 6 orang ahli bebas. Pengurusan SSB pula terdiri daripada seorang Ketua Pegawai Eksekutif dan dibantu oleh 36 kakitangan.

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan SSB adalah baik atau sebaliknya dan pengurusan aktiviti serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

4.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti syarikat, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014. Kaedah pengauditan ialah dengan membuat semakan terhadap dokumen, fail serta rekod yang berkaitan dan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun kewangan 2012 hingga 2014. Pengauditan pengurusan aktiviti dijalankan dengan menyemak dokumen berkaitan dengan pengurusan dana SAS di pejabat SSB. Temu bual juga telah dibuat dengan pegawai SSB di samping melaksanakan pemeriksaan fizikal terhadap peralatan dan aset syarikat. *Exit Conference* bersama Ketua Pegawai Eksekutif SSB telah diadakan pada 9 Disember 2014 yang turut dihadiri oleh wakil Kementerian Kewangan Negeri Sabah.

4.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Ogos hingga Oktober 2014, mendapati pada umumnya prestasi kewangan SSB adalah baik di mana syarikat telah mencatatkan keuntungan bagi tahun 2012 hingga 2014. Syarikat mempunyai keuntungan terkumpul berjumlah RM17.27 juta pada akhir tahun 2014. Begitu juga dari segi pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat adalah baik. Bagaimanapun, bagi pengurusan aktiviti terdapat beberapa kelemahan yang boleh ditambah baik seperti berikut:

- Penjualan unit SAS tidak mencapai sasaran.
- Skim Pembangunan Rakyat Termiskin melalui Saham Amanah Sabah gagal mencapai matlamat.

4.4.1. Prestasi Kewangan SSB

Bagi menilai prestasi kewangan SSB, analisis terhadap *trend* dan nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2012 hingga 2014. Berikut adalah hasil analisis yang telah dijalankan:

4.4.1.1. Analisis Trend


- a. Analisis trend bagi tahun 2012 hingga 2014 mendapati jumlah pendapatan telah meningkat daripada RM7.79 juta pada tahun 2012 kepada RM10.23 juta pada tahun 2013. Ini adalah hasil daripada peningkatan sejumlah RM1.30 juta daripada punca pendapatan utama iaitu yuran pengurusan dana dan caj perkhidmatan. Selain itu, terdapat peningkatan dalam pendapatan lain iaitu *Net Fair Value Gain in Investment Securities* sejumlah RM1.52 juta. Bagaimanapun, pendapatan telah menurun pada tahun 2014 kepada RM9.35 juta. Manakala perbelanjaan meningkat setiap tahun daripada RM5.63 juta pada tahun 2012 kepada RM6.63 juta dan RM6.82 juta pada tahun 2013 dan 2014 masing-masing. Perbelanjaan utama syarikat adalah perbelanjaan pelaburan dan pemasaran.
- b. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta keuntungan/kerugian SSB adalah seperti di **Jadual 4.1**, **Carta 4.1** dan **Carta 4.2**.

Jadual 4.1
Pendapatan, Perbelanjaan Dan Keuntungan/Kerugian SSB
Bagi Tempoh 2012 Hingga 2014

Butiran	Tahun Kewangan		
	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
Jumlah Pendapatan	7.79	10.23	9.35
Jumlah Perbelanjaan	(5.63)	(6.63)	(6.82)
Keuntungan Sebelum Cukai	2.16	3.60	2.53
Cukai Pendapatan	(0.43)	(0.87)	(0.70)
Keuntungan Bersih	1.73	2.73	1.83
Keuntungan Terkumpul	12.70	15.43	17.27


Sumber: Penyata Kewangan Saham Sabah Berhad

Carta 4.1
Trend Keuntungan Sebelum Cukai Dan Keuntungan Terkumpul Bagi Tahun Kewangan 2012 Hingga 2014



Sumber: Penyata Kewangan Saham Sabah Berhad

Carta 4.2
Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan Bagi Tahun Kewangan 2012 Hingga 2014



Sumber: Penyata Kewangan Saham Sabah Berhad

4.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan SSB, beberapa analisis nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan serta Penyata Kewangan SSB bagi tahun kewangan 2012 hingga 2014. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 4.2**.

Jadual 4.2
Analisis Nisbah Kewangan SSB Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Butiran	Tahun Kewangan		
	2012	2013	2014
Nisbah Semasa	0.80:1	0.78:1	0.81:1
Margin Untung Bersih	27.7%	35.2%	27.1%
Nisbah Pulangan Atas Aset	0.03:1	0.04:1	0.03:1
Nisbah Pulangan Atas Ekuiti	0.06:1	0.10:1	0.06:1

Sumber: Penyata Kewangan Saham Sabah Berhad

a. Nisbah Semasa

Nisbah Semasa dikira dengan membandingkan aset semasa dengan liabiliti semasa. Nisbah ini digunakan bagi menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa syarikat boleh ditukar dengan kadar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek syarikat. Nisbah semasa pada kadar 2:1 menunjukkan kemampuan syarikat untuk membayar hutang manakala nisbah semasa pada kadar 1:1 adalah dianggap setara. Semakin tinggi nisbah ini, semakin meningkat kecairan syarikat. Analisis Audit mendapati nisbah semasa telah menurun daripada 0.80:1 pada tahun 2012 kepada 0.78:1 bagi tahun 2013 dan meningkat semula kepada 0.81:1 bagi tahun 2014. Bagaimanapun, jumlah tanggungan semasa untuk tujuan pengiraan nisbah semasa ini adalah termasuk jumlah pinjaman daripada pihak Permodalan Nasional Berhad bagi Skim PPRT yang berjumlah RM35 juta bagi tahun 2012 dan RM40 juta bagi tahun 2013 dan 2014 masing-masing. Nisbah semasa SSB bagi tanggungan semasa tanpa pinjaman Skim PPRT tersebut adalah pada 11.78:1, 8.85:1 dan 10.49:1 bagi tahun 2012, 2013 dan 2014 masing-masing.

b. Margin Untung Bersih

Margin Untung Bersih mengukur kadar keuntungan sebelum cukai bagi setiap ringgit hasil yang dijana daripada perniagaan utama sesebuah syarikat. Peningkatan margin ini menunjukkan kecekapan sesebuah syarikat yang memberi kesan langsung dan nilai tambah terhadap kadar keuntungan syarikat. Mengikut perkiraan Audit, syarikat telah menjana RM0.27 untung bersih sebelum cukai pada tahun 2012. Margin untung bersih meningkat kepada RM0.35 pada tahun 2013. Bagaimanapun, margin untung bersih menurun semula pada tahun 2014 kepada RM0.27.

c. Nisbah Pulangan Atas Aset

Nisbah Pulangan Atas Aset mengukur pulangan yang diperoleh oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit aset yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan asetnya bagi mendapatkan pulangan terbaik. Analisis Audit mendapati bagi tahun 2012, nisbah pulangan atas aset syarikat menunjukkan pulangan keuntungan pada RM0.03, manakala bagi tahun 2013 dan 2014 nisbah pulangan atas aset adalah RM0.04 dan RM0.03 masing-masing bagi setiap ringgit aset yang dilaburkan. Bagaimanapun, jumlah aset semasa untuk tujuan pengiraan nisbah ini adalah termasuk jumlah tunggakan dan deposit dengan institusi kewangan bagi Skim PPRT yang berjumlah RM45 juta bagi tahun 2012 hingga 2014. Nisbah pulangan atas aset SSB bagi aset semasa tanpa tunggakan pinjaman Skim PPRT tersebut adalah pada 0.06:1, 0.09:1 dan 0.06:1 bagi tahun 2012, 2013 dan 2014 masing-masing.

d. Nisbah Pulangan Atas Ekuiti

Nisbah Pulangan Atas Ekuiti mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit modal yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan modalnya. Analisis Audit mendapati nisbah pulangan atas ekuiti pada tahun 2012 adalah pada 0.06:1. Bagaimanapun, nisbah ini meningkat pada 2013 kepada 0.10:1, dan menurun semula kepada 0.06:1 pada tahun 2014. Ini bermaksud, bagi setiap ringgit modal yang digunakan, syarikat menjana RM0.06, RM0.10 dan RM0.06 keuntungan sebelum cukai bagi tahun 2012, 2013 dan 2014 masing-masing.

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan SSB adalah baik.

4.4.2. Pengurusan Aktiviti SSB

Pengurusan aktiviti yang cekap dapat memastikan kelancaran perjalanan syarikat dan seterusnya menjamin pencapaian objektif SSB selaku Pengurus Saham Amanah Sabah (SAS). Semakan Audit terhadap pengurusan SAS oleh SSB mendapati perkara berikut:

4.4.2.1. Maklumat Dan Objektif Dana SAS

- SAS yang dilancarkan pada 10 Oktober 1994 merupakan sebuah dana ekuiti dengan pelaburannya terdapat dalam syarikat-syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia dan pasaran asing. Dana SAS yang mempunyai ciri-ciri pertumbuhan dan pendapatan, berperanan untuk memberikan pulangan yang berbentuk kenaikan dalam nilai aset dan/atau pengagihan kepada pemegang-pemegang unit. Maklumat mengenai dana SAS adalah seperti di **Jadual 4.3**.

Jadual 4.3
Maklumat Saham Amanah Sabah (SAS)

Butiran	
Tarikh Pelancaran	10 Oktober 1994
Harga Tawaran Asal (Oktober - Disember 1994)	RM1.00
Saiz Dana Yang Diluluskan	500 juta Unit (Permulaan) 1.5 Bilion Unit (Setelah Tambahan) - 75% Untuk Bumiputera - 25% Untuk Bukan Bumiputera
Jenis Dana	Tabung Pendapatan Dan Pertumbuhan
Pencapaian	<i>The Edge Lipper Awards 2013</i> - <i>Best Fund Equity Malaysia Diversified (3 Years)</i> - <i>Best Fund Equity Malaysia Diversified (5 Years)</i>
Harga Paling Tinggi (Pada 18 Julai 1996)	RM1.47
Harga Paling Rendah (Pada 21 Ogos 2008)	RM0.16
Tahun Kewangan Berakhir Pada	31 Disember

Sumber: Rekod Saham Sabah Berhad

- b. Objektif dana SAS adalah untuk menghasilkan pulangan yang berpatutan kepada pemegang unit untuk jangka sederhana dan panjang (3 tahun ke atas) menerusi pelaburan yang dipelbagaikan dengan risiko yang wajar.

4.4.2.2. Penyertaan Dalam Dana SAS

- a. Semakan Audit mendapati bilangan pelabur telah berkurangan daripada 53,771 pada tahun 2012 kepada 53,131 pada tahun 2013 dan seterusnya kepada 53,066 pada 30 Jun 2014. Manakala unit penyertaan telah meningkat daripada 1,218,395,955 unit pada tahun 2012 kepada 1,254,400,000 unit pada tahun 2013 dan 1,257,400,000 pada 30 Jun 2014. Analisis pelabur mengikut saiz pelaburan dan unit pegangan bagi tahun 2012 hingga 2014 (setakat Jun) adalah seperti di **Jadual 4.4**.

Jadual 4.4
Pecahan Pemegang Unit Mengikut Saiz Pelaburan
Bagi Tahun 2012 Hingga 2014 (Setakat Jun)

Unit	2012		2013		2014 (Setakat Jun)	
	Bilangan Pelabur	Jumlah Unit	Bilangan Pelabur	Jumlah Unit	Bilangan Pelabur	Jumlah Unit
5,000 Dan Ke Bawah	37,067	26,618,791	36,503	28,038,295	36,415	27,873,570
5,001 Hingga 10,000	10,124	67,639,302	10,091	67,471,038	10,098	67,503,117
10,001 Hingga 50,000	4,990	99,837,570	4,952	99,644,948	4,973	100,620,720
50,001 Hingga 500,000	1,527	168,646,127	1,523	172,049,934	1,518	172,877,878
500,001 Dan Ke Atas	63	854,614,294	62	884,675,067	62	886,422,264
Stok Pengurus	-	1,039,871		1,320,718	-	2,102,451
Auto Reinvestment Target	-	-		1,200,000	-	-
Jumlah	53,771	1,218,395,955	53,131	1,254,400,000	53,066	1,257,400,00

Sumber: Rekod Saham Sabah Berhad

4.4.2.3. Prestasi Dana SAS

Bagi menilai prestasi dana SAS, analisis terhadap penyata kewangan dana SAS yang telah diaudit bagi tahun 2011 hingga 2013 telah dijalankan dan berikut adalah hasil analisis Audit.

a. Nilai Aset Bersih

Nilai Aset Bersih SAS telah meningkat daripada RM389.35 juta atau RM0.3145 seunit pada tahun 2011 kepada RM427.73 juta atau RM0.3511 seunit pada tahun 2012 dan RM459.00 juta atau RM0.3659 seunit pada tahun 2013. Prestasi dana SAS pada tahun 2011 mencatatkan paras terendah akibat tekanan negatif ekonomi dan pasaran saham global yang berpunca dari krisis hutang Eropah. Bagaimanapun, nilai aset bersih SAS telah meningkat pada tahun 2012 dan 2013 sejajar dengan prestasi

bursa-bursa saham tempatan dan asing yang memberangsangkan pada tempoh tersebut. Kedudukan nilai aset bersih dan nilai aset bersih seunit dana SAS bagi tahun 2011 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.5**.

Jadual 4.5
Kedudukan Nilai Aset Bersih Dan Nilai Aset Bersih Seunit Dana SAS
Bagi Tahun 2011 Hingga 2013

Butiran	Tahun Kewangan		
	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
Jumlah Aset	391.63	439.42	462.44
Jumlah Liabiliti	2.28	11.69	3.44
Nilai Aset Bersih	389.35	427.73	459.00
Unit Dalam Pegangan (Unit)	1,237,798,000	1,218,395,955	1,254,400,000
Nilai Aset Bersih Seunit (RM)	0.3145	0.3511	0.3659

Sumber: Rekod Saham Sabah Berhad

b. Pendapatan Daripada Pelaburan

SAS telah berjaya mengumpul pendapatan daripada pelaburan sejumlah RM57.87 juta dan RM55.26 juta pada tahun 2012 dan 2013 masing-masing berbanding dengan defisit sejumlah RM13.24 juta pada tahun 2011. Setelah ditolak belanja mengurus dan cukai, SAS mencapai keuntungan sebelum pengagihan berjumlah RM47.85 juta dan RM44.57 juta bagi tahun 2012 dan 2013 masing-masing dan kerugian berjumlah RM19.87 juta bagi tahun 2011. Kedudukan pendapatan, perbelanjaan serta keuntungan/kerugian SAS bagi tahun 2011 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.6**.

Jadual 4.6
Pendapatan, Perbelanjaan Dan Keuntungan/Kerugian SAS
Bagi Tahun 2011 Hingga 2013

Butiran	Tahun Kewangan		
	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
Jumlah Pendapatan Dari Pelaburan	(13.24)	57.87	55.26
Jumlah Perbelanjaan	(6.19)	(9.45)	(10.53)
Keuntungan/Kerugian Sebelum Cukai	(19.43)	48.42	44.73
Cukai	(0.44)	(0.57)	(0.16)
Keuntungan/Kerugian Selepas Cukai	(19.87)	47.85	44.57

Sumber: Rekod Saham Sabah Berhad

c. Pengagihan Pendapatan

Dengan mengalami prestasi yang negatif pada tahun 2011, tiada pengagihan pendapatan diisyiharkan. Manakala dengan pencapaian yang memberangsangkan bagi tahun 2012 dan 2013, Pengurus telah mengagihkan pendapatan sebanyak 3 kali sejumlah RM46.88 juta atau 3.80 sen seunit bagi tahun 2012 dan 2 kali sejumlah RM49.92 juta atau 4 sen seunit bagi tahun 2013. Butiran pengagihan pendapatan bagi tahun 2012 dan 2013 adalah seperti di **Jadual 4.7**.

Jadual 4.7
Pengagihan Pendapatan Bagi tahun 2012 Dan 2013

Tahun	Jenis Pengagihan	Tarikh Pengagihan	Kadar Pengagihan (Sen Seunit)	Jumlah (RM Juta)
2012	Interim Pertama	20.03.2012	1.90	23.48
	Interim Kedua	27.07.2012	1.50	18.56
	Interim Ketiga	31.12.2012	0.40	4.84
Jumlah			3.80	46.88
2013	Interim Pertama	31.03.2013	2.00	24.92
	Interim Kedua	18.07.2013	2.00	25.00
Jumlah			4.00	49.92

Sumber: Rekod Saham Sabah Berhad

d. Kadar Pulangan Wajaran Masa

SSB menggunakan kaedah Kadar Pulangan Wajaran Masa untuk mengukur prestasi SAS. Prestasi ini dibandingkan dengan pulangan indeks tanda aras berwajaran [30% Indeks MSCI AC (*All country*) Asia ex Japan (MXASJ) berdasarkan Ringgit dan 70% Indeks Komposit Kuala Lumpur FTSE Bursa Malaysia (FBM KLCI)]. Setakat 31 Disember 2011, portfolio SAS mencatatkan pulangan wajaran masa pada kadar negatif 3.73% berbanding indeks tanda aras berwajaran pada kadar negatif 4.85%. Bagaimanapun, pada tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2012 dan 31 Disember 2013, prestasi portfolio SAS adalah lebih baik di mana telah mencatatkan kadar pulangan wajaran masa masing-masing sebanyak 10.40% dan 13.89% berbanding indeks tanda aras berwajaran sebanyak 11.73% dan 9.85%. Prestasi portfolio SAS berbanding tanda aras bagi tahun 2011 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.8**.

Jadual 4.8
Prestasi Portfolio SAS Berbanding Tanda Aras
Bagi Tahun 2011 Hingga 2013

Tahun	Kadar Pulangan Wajaran Masa (%)	
	SAS	Tanda Aras
2011	(3.73)	(4.85)
2012	10.40	11.73
2013	13.89	9.85

Sumber: Rekod Saham Sabah Berhad

e. Nisbah Pusing Ganti Portfolio

Nisbah Pusing Ganti Portfolio memberi gambaran sama ada dana membeli dan menjual portfolio dengan lebih kerap atau sama ada ia menggunakan pendekatan jangka yang lebih panjang dalam pengurusan pelaburan. Nisbah pusing ganti portfolio dikira dengan mengambil purata jumlah perolehan dan pelupusan pelaburan dalam dana bagi tahun kewangan dibahagikan dengan purata nilai aset bersih yang dikira pada asas harian. Nisbah pusing ganti portfolio dana SAS bagi tahun 2011 hingga 2013 adalah 1.70 kali, 2.19 kali dan 2.02 kali masing-masing.

f. Nisbah Perbelanjaan Pengurusan

Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (NPP) dikira dengan mengambil jumlah perbelanjaan pengurusan yang dinyatakan sebagai peratusan daripada jumlah purata nilai aset bersih dana yang dikira pada asas harian. Perbelanjaan pengurusan termasuk yuran pengurusan, yuran *trustee*, yuran audit dan lain-lain perbelanjaan. NPP bagi tahun 2011 hingga 2013 adalah konsisten iaitu 1.56% bagi tahun 2011 dan 2012 masing-masing dan 1.57% bagi tahun 2013.

4.4.2.4. Prestasi Penjualan Unit SAS

- a. Semakan Audit terhadap rekod penjualan unit SAS mendapati sasaran penjualan bagi tahun kewangan 2012 tidak dicapai di mana penjualan sebenar adalah 46,605,602 unit berjumlah RM15.66 juta berbanding dengan sasaran sebanyak 73,000,000 unit berjumlah RM26.35 juta. Bagi tahun kewangan 2013, SSB telah membuat sasaran penjualan sebanyak 53,000,000 unit berjumlah RM18.54 juta. Bagaimanapun, penjualan unit sebenar adalah sebanyak 78,518,713 unit berjumlah RM27.56 juta yang telah melebihi sasaran penjualan unit dengan 48.1% dan nilai jualan dengan 48.7%. Untuk tahun kewangan 2014, penjualan sebenar telah menurun kepada 16,445,102 unit berjumlah RM5.89 juta berbanding dengan sasaran 53,000,000 unit berjumlah RM20.31 juta iaitu kurang daripada sasaran jualan unit sebanyak 69% dan nilai jualan sebanyak 71%. Butiran penjualan sebenar berbanding sasaran penjualan bagi tahun kewangan 2012 hingga 2014 adalah seperti di **Jadual 4.9**.

Jadual 4.9
Penjualan Unit SAS Sebenar Berbanding Sasaran Bagi Tahun Kewangan 2012 Hingga 2014

Tahun Kewangan	Sasaran		Sebenar		Lebih/(Kurang)			
	Unit	(RM Juta)	Unit	(RM Juta)	Unit	(%)	(RM Juta)	(%)
2012	73,000,000	26.34	46,605,602	15.66	(26,394,398)	36.2	(10.68)	40.5
2013	53,000,000	18.54	78,518,713	27.56	25,518,713	48.1	9.02	48.7
2014	53,000,000	20.31	16,445,102	5.89	(36,554,898)	69.0	(14.42)	71.0

Sumber: Rekod Saham Sabah Berhad

- b. **Berdasarkan maklum balas pihak SSB bertarikh 13 Januari 2015, sebab utama penjualan SAS tidak mencapai sasaran adalah kerana pelaburan Kerajaan Negeri yang telah diambil kira dalam sasaran penjualan SAS pada tahun-tahun tersebut, telah tidak diterima atau diterima sebahagian sahaja oleh SSB, walaupun pada asasnya, pelaburan tersebut telah dimasukkan di dalam Belanjawan Kerajaan Negeri.**

4.4.2.5. Program Pembangunan Rakyat Termiskin - Saham Amanah Sabah

- a. Program Pembangunan Rakyat Termiskin - Saham Amanah Sabah (PPRT – SAS) diwujudkan pada 1 Julai 1995 sebagai usaha Kerajaan Persekutuan dan Negeri

Sabah untuk membasmi kemiskinan di Sabah. SSB telah diarahkan untuk menyelenggara program ini melalui pelaburan dalam SAS dengan melibatkan 7,407 penerima skim PPRT – SAS yang merupakan individu termiskin yang telah dikenal pasti oleh pejabat-pejabat daerah. Satu pinjaman tanpa faedah berjumlah RM50 juta telah diberikan kepada SSB oleh Bank Negara Malaysia melalui Permodalan Nasional Bhd. (PNB) pada tahun 1995 untuk membiayai skim PPRT – SAS. Pinjaman ini adalah dijamin oleh Kerajaan Negeri Sabah. Setiap penerima skim PPRT - SAS telah diberi pinjaman sejumlah RM6,750 untuk pelaburan 5,000 unit SAS. Pembayaran balik pinjaman ini adalah melalui pengagihan pendapatan SAS jika ada, di mana sebahagian daripada pengagihan pendapatan itu disalurkan untuk pembayaran balik pinjaman dan selebihnya akan dibayar dalam bentuk tunai kepada penerima SAS – PPRT.

- b. Semakan Audit terhadap skim PPRT – SAS mendapati dalam tempoh 3 tahun pertama, SAS dapat mengisyiharkan pengagihan pendapatan pada kadar yang boleh menampung pembayaran balik pinjaman tersebut. Bagaimanapun, akibat daripada krisis kewangan pada tahun 1997 dan 1998, SAS yang merupakan sebuah dana ekuiti tidak terkecuali daripada kesan krisis tersebut di mana dana SAS tidak berupaya membayar pengagihan pendapatan setiap tahun. Ini menyebabkan ketidakupayaan SSB untuk membayar balik pinjaman tersebut mengikut jadual yang ditetapkan.
- c. Pada 30 Jun 2014, baki tertunggak kepada PNB berjumlah RM40 juta dan jumlah yang terhutang oleh penerima skim PPRT – SAS kepada SSB berjumlah RM34.52 juta. Pihak SSB telah berusaha untuk memohon pelupusan baki pinjaman yang tertunggak berjumlah RM40 juta daripada Kementerian Kewangan Persekutuan. Untuk menyelesaikan jumlah yang tertunggak tersebut, SSB dan Kementerian Kewangan Sabah telah mengadakan dua mesyuarat dengan Kementerian Kewangan Persekutuan, Bank Negara Malaysia dan PNB pada 29 Ogos 2012 dan 20 Jun 2013 untuk memohon pelupusan pinjaman yang tertunggak itu.
- d. **Berdasarkan maklum balas pihak SSB bertarikh 13 Januari 2015, pihak SSB telah dimaklumkan secara lisan bahawa BNM tidak akan melupuskan hutang tersebut dan harus dibayar balik dalam 10 ansuran mulai 2015, iaitu RM4.0 juta setiap ansuran.**

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya, Dana SAS pada tahun 2012 dan 2013 telah menunjukkan prestasi yang lebih baik berbanding tahun 2011. Bagaimanapun, Skim Program Pembangunan Rakyat Termiskin melalui SAS gagal mencapai matlamat kerana kadar pulangan dividen tidak dapat menampung pembayaran pinjaman penerima SAS-PPRT.

4.4.3. Tadbir Urus Korporat

Tadbir urus korporat merujuk kepada proses yang digunakan untuk mentadbir, mengurus dan mengawal syarikat. Ianya merangkumi dasar, undang-undang dan peraturan, sistem dan prosedur, kawalan pengurusan syarikat dan pengurusan risiko. Tadbir urus korporat yang baik boleh membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan operasi syarikat diurus dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab. Semakan Audit terhadap tadbir urus korporat SSB mendapati perkara berikut:

4.4.3.1. Mesyuarat Lembaga Pengarah

Bagi memastikan SSB beroperasi dengan sempurna dan mencapai objektif penubuhannya, Lembaga Pengarah perlu mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya 4 kali setahun atau seberapa kerap yang boleh selaras dengan kehendak Buku Hijau – *Enhancing Board Effectiveness* yang dikeluarkan oleh Khazanah Nasional Berhad. Semakan Audit mendapati Lembaga Pengarah telah bermesyuarat 9 kali bagi tahun 2012, sebanyak 6 kali bagi tahun 2013 serta 4 kali bagi tahun 2014 (setakat bulan Jun). Kehadiran Ahli Lembaga Pengarah adalah antara 53% hingga 100%. Selain itu, mesyuarat turut dihadiri oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif dan Setiausaha Syarikat.

4.4.3.2. Unit Audit Dalam

Unit Audit Dalam perlu ditubuhkan untuk membantu pihak pengurusan memantau pengurusan pentadbiran, kewangan dan operasi sesebuah organisasi. Semakan Audit mendapati SSB tidak menubuhkan Unit Audit Dalam. Fungsi Audit Dalam dilaksanakan oleh juruaudit swasta Tan & Associates secara *outsourcing* mulai 16 Jun 2004. Semakan Audit mendapati rancangan pengauditan tahunan telah disediakan untuk tahun kewangan 2012 dan 2013 manakala rancangan pengauditan tahunan bagi tahun kewangan 2014 tidak disediakan. Pengauditan dijalankan oleh Tan & Associates setiap suku tahun dan laporan Audit Dalam disediakan serta dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pematuhan.

4.4.3.3. Jawatankuasa Audit Dan Pematuhan (*Audit And Compliance Committee*)

Mengikut amalan terbaik seperti disebutkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993, Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan perlu ditubuhkan bagi syarikat Kerajaan bertujuan untuk meningkatkan lagi kawalan ke atas syarikat supaya kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham dapat dipelihara sepenuhnya serta mengawasi semua fungsi Unit Audit Dalam. Jawatankuasa ini perlu bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 3 bulan atau seperti mana yang ditentukan oleh Pengerusinya. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Audit Dan Pematuhan telah ditubuhkan dan mesyuarat diadakan sebanyak 4 kali bagi tahun 2012, bagi tahun 2013

sebanyak 5 kali dan 3 kali bagi tahun 2014 (setakat bulan Jun) untuk membincangkan laporan Audit Dalam dan penyata kewangan.

4.4.3.4. Sistem Dan Prosedur

Akta Syarikat 1965, pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan serta Kod Tadbir Urus Korporat telah memperincikan elemen penting yang perlu dipatuhi untuk memastikan tadbir urus korporat dan kewangan yang baik oleh syarikat. Bagi memastikan wujudnya kawalan dalam yang mantap terhadap pengurusan dan kewangan syarikat, polisi dan garis panduan perlu ditetapkan untuk dipatuhi. Semakan Audit mendapati SSB telah menetapkan polisi dan menggariskan beberapa garis panduan untuk dipatuhi seperti di **Jadual 4.10**.

**Jadual 4.10
Polisi Dan Garis Panduan**

Bil.	Polisi/Garis Panduan	Tarikh Kuat kuasa/ Kemas kini
1.	<i>Capital Market & Services Act 2007 (Act 671)</i>	28 September 2007
2.	<i>Guideline On Unit Trust Fund - Securities Commission Malaysia</i>	3 Mac 2008
3.	<i>Code of Ethics And Rules Of Professional Conduct (Unit Trust Fund) – Federation Of Investment Managers Malaysia (FIMM)</i>	22 Januari 2013
4.	<i>Risks Elements & Operation Manual – Information Technology Unit</i>	Mac 2013
5.	<i>Compliance Manual Saham Sabah Berhad</i>	November 2013
6.	<i>Investment Risks Management & Operational Manual – Investment Department</i>	November 2013
7.	<i>Policies And Procedures On Know Your Customer And Anti-Money Laundering And Counter Financing Of Terrorism</i>	November 2013
8.	<i>General Terms And Conditions Of Service For Employees</i>	Mac 2014
9.	<i>Manual Operasi & Pengurusan Risiko – Jabatan Operasi & Pemasaran</i>	Mei 2014
10.	<i>Pengurusan Risiko & Manual Operasi – Sumber Manusia Dan Pentadbiran</i>	Julai 2014

Sumber: Rekod Saham Sabah Berhad

4.4.3.5. Ikrar Integriti Korporat (*Corporate Integrity Pledge*)

Ikrar Integriti Korporat ialah dokumen yang membenarkan sesebuah syarikat membuat komitmen untuk mendukung Prinsip Pencegahan Rasuah Syarikat Korporat di Malaysia. Dengan menandatangani ikrar ini, sesebuah syarikat membuat keputusan satu pihak (*unilateral*) bahawa syarikat tidak akan terlibat dalam jenayah rasuah, dan akan berganding bahu untuk mewujudkan persekitaran perniagaan yang bebas daripada rasuah dan mendukung Prinsip Pencegahan Rasuah untuk Syarikat di Malaysia dalam urusan perniagaan dan interaksinya dengan rakan perniagaan dan juga Kerajaan. Semakan Audit mendapati SSB telah menandatangani Ikrar tersebut pada 28 Jun 2013.

4.4.3.6. Rancangan Korporat

Berdasarkan Amalan Terbaik setiap syarikat perlu menyediakan Rancangan Korporat dan menetapkan strateginya untuk mencapai matlamat bagi tempoh jangka pendek (tahunan) dan jangka panjang serta rancangan tersebut perlu selaras dengan objektif penubuhannya. Semakan Audit mendapati SSB telah menyediakan Rancangan

Perniagaan 3 tahun bagi tempoh 2012 hingga 2014 dan rancangan tersebut telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 6 Disember 2011.

4.4.3.7. Pembayaran Dividen

Berdasarkan Amalan Terbaik dan Pekeliling Kewangan Negeri Sabah Bil. 7 Tahun 2001 mengenai garis panduan bayaran dividen oleh syarikat-syarikat Kerajaan di mana syarikat Kerajaan yang mencatatkan keuntungan bagi sesuatu tahun kewangan perlu membayar dividen sekurang-kurangnya 10 peratus daripada keuntungan tersebut kepada Kerajaan sebagai pemegang saham. Sekiranya keuntungan lebih diperolehi bagi sesuatu tahun kewangan, peratusan dividen perlu ditingkatkan ke tahap yang lebih tinggi tanpa menjelaskan kedudukan kewangan syarikat. Semakan Audit mendapati dividen telah diisyiharkan bagi tahun kewangan berakhir pada 30 Jun 2012 dan 30 Jun 2014 berjumlah RM1 juta masing-masing.

Pada pendapat Audit, tadbir urus korporat adalah baik.

4.5. SYOR AUDIT

Bagi meningkatkan prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat Saham Sabah Berhad disyorkan untuk mengambil langkah penambahbaikan seperti berikut:

- 4.5.1.** Meningkatkan pendapatan daripada pelaburan supaya agihan dividen dapat ditingkatkan dan seterusnya meningkatkan penjualan unit SAS.
- 4.5.2.** Membayar balik tunggakan pinjaman bagi skim PPRT-SAS dalam 10 ansuran mulai 2015 seperti yang dipersetujui oleh Bank Negara Malaysia.

PERBADANAN PEMBANGUNAN EKONOMI NEGERI SABAH

5. PERKASA TRADING SDN. BHD.

5.1. LATAR BELAKANG

5.1.1. Perkasa Trading Sdn. Bhd. (PTSB) telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 1972. PTSB merupakan anak syarikat kepada Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sabah (SEDCO) iaitu sebuah agensi Kerajaan Negeri Sabah. Modal saham dibenarkan dan berbayar masing-masing berjumlah RM40 juta dan RM38.60 juta.

5.1.2. Objektif utama PTSB adalah sebagai syarikat perniagaan berkaitan dengan bahan binaan, produk perindustrian, baja dan bahan kimia pertanian. PTSB telah menjadi pelopor dalam bidang ini dan telah menunjukkan pencapaian yang besar dalam pemasaran rangkaian seperti dibuktikan dengan penubuhan lima cawangan di bandar utama iaitu Kota Kinabalu, Labuan, Sandakan, Lahad Datu dan Tawau.

5.1.3. PTSB mempunyai 8 orang Ahli Lembaga Pengarah terdiri daripada seorang pengurus dari ahli politik, 4 orang kakitangan awam Kerajaan/Agensi Negeri dan 3 ahli perniagaan. PTSB diketuai oleh seorang Pengurus Besar dan dibantu oleh 99 kakitangan.

5.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan PTSB adalah baik atau sebaliknya dan pengurusan aktiviti utama serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

5.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan bagi tempoh 3 tahun iaitu tahun 2012 hingga 2014. Metodologi pengauditan adalah melalui semakan terhadap rekod, fail, minit mesyuarat dan dokumen berkaitan. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai bertanggungjawab telah dijalankan. Analisis terhadap penyata kewangan bagi tempoh 3 tahun iaitu tahun 2011 hingga 2013 yang merangkumi nisbah dan trend telah dilakukan untuk menilai prestasi kewangan PTSB. Selain itu, maklumat tahun sebelumnya juga telah dianalisis di mana perlu. Pemeriksaan aset termasuk lawatan ke cawangan di Kolombong Kota Kinabalu, Lahad Datu dan Sandakan juga telah dijalankan. *Exit Conference* bersama Pengurus Besar PTSB telah diadakan pada 21 Januari 2015 yang turut dihadiri wakil Kementerian Kewangan, Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sabah.

5.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Oktober 2014 mendapati secara keseluruhannya, prestasi kewangan PTSB adalah baik di mana syarikat telah mencatatkan keuntungan bagi tahun 2011 hingga 2013. Syarikat mempunyai keuntungan terkumpul berjumlah RM12.63 juta pada akhir tahun 2013. Bagaimanapun, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat adalah memuaskan. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- Perolehan barang *hardware* dan produk pertanian melalui kaedah pembelian terus tidak mematuhi *Standard Operating Procedures* (SOP).
- Stok bernilai RM6.20 juta yang usang belum dilupus.
- Kemudahan kredit kepada pelanggan melebihi had berjumlah RM0.94 juta dan tunggakan semakin meningkat.
- Pelan strategik/rancangan korporat bagi tahun 2011 hingga 2015 tidak disediakan.
- *Standard Operating Procedures* (SOP) tidak lengkap dan tidak dikemas kini sejak tahun 1986.

5.4.1. Prestasi Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan PTSB, analisis trend dan nisbah kewangan telah dijalankan bagi butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2011 hingga 2013. Analisis Audit mendapati perkara berikut:

5.4.1.1. Analisis Trend

Bagi tempoh 2011 hingga 2013, pendapatan sebelum cukai PTSB berjumlah antara RM87.84 juta hingga RM98.77 juta setahun berbanding perbelanjaan berjumlah antara RM86.79 juta hingga RM96.23 juta setahun. Keterangan lanjut adalah seperti berikut:

- a. Pendapatan utama PTSB terdiri daripada penjualan barang *hardware*, lain-lain pendapatan operasi dan faedah simpanan di bank. Pendapatan PTSB pada tahun 2012 telah menurun sejumlah RM1.98 juta atau 2.1% menjadi RM96.78 juta berbanding tahun 2011. Pada tahun 2013, jumlah pendapatan PTSB telah menurun sejumlah RM8.94 juta atau 9.2% menjadi RM87.84 juta. Penjualan barang *hardware* merupakan pendapatan utama PTSB iaitu menyumbang antara 94.9% hingga 96.4% setahun bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013. Pada tahun 2013, penjualan barang *hardware* berjumlah RM83.32 juta iaitu menurun 10.3% berbanding tahun 2012. Pada tahun 2012, penjualan barang *hardware* berjumlah RM92.88 juta iaitu menurun 2.4% berbanding tahun 2011. Lain-lain pendapatan operasi telah menyumbang antara 2.9% hingga 4.5% setahun untuk tempoh 2011 hingga 2013. Lain-lain pendapatan operasi menunjukkan peningkatan daripada

RM2.86 juta pada tahun 2011 menjadi RM2.92 juta pada tahun 2012 iaitu meningkat 1.8%. Pada tahun 2013 lain-lain pendapatan operasi mencatatkan peningkatan 32.5% atau RM0.95 juta menjadi RM3.86.juta berbanding tahun 2012. Pendapatan daripada faedah simpanan di bank adalah antara RM0.65 juta hingga RM0.99 juta atau 0.7% hingga 1% setahun berbanding jumlah keseluruhan pendapatan PTSB bagi tempoh 2011 hingga 2013.


- b.** Perbelanjaan PTSB bagi tahun 2011 hingga 2013 adalah antara RM86.79 juta hingga RM96.23 juta. Perbelanjaan PTSB terdiri daripada kos jualan, perbelanjaan pentadbiran, kos pengagihan dan perbelanjaan faedah. Pada tahun 2012, kos jualan telah menurun sejumlah RM8.80 juta atau 10.1% kepada RM87.22 juta berbanding tahun 2011. Seterusnya kos jualan telah menurun sejumlah RM2.46 juta atau 2.7% menjadi RM78.42 juta pada tahun 2013. Kos pengagihan bagi tahun 2013 berjumlah RM3.18 juta telah menurun sebanyak 1.5% berbanding tahun 2012. Bagaimanapun, kos pengagihan bagi tahun 2012 meningkat sebanyak RM0.45 juta atau 16.2% berbanding tahun 2011 berjumlah RM2.78 juta. Perbelanjaan pentadbiran pula mencatat peningkatan berterusan daripada RM3.60 juta pada tahun 2011 kepada RM4.08 juta pada tahun 2012 dan seterusnya kepada RM5 juta pada tahun 2013 iaitu peningkatan antara 13.2% dan 22.7%. Perbelanjaan faedah pula adalah antara RM0.17 juta hingga RM0.21 juta setahun bagi tempoh 2011 hingga 2013 dan tidak signifikan kepada perbelanjaan keseluruhan.
- c.** Setakat 31 Disember 2013, keuntungan terkumpul PTSB berjumlah RM12.63 juta. Ini menunjukkan prestasi kewangan PTSB adalah baik dan berdaya saing. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta untung/(rugi) adalah seperti di **Jadual 5.1, Carta 5.1** dan **Carta 5.2**.

Jadual 5.1
Pendapatan/Perbelanjaan Dan Keuntungan PTSB Bagi Tempoh 2011 Hingga 2013

Butiran	Tahun Kewangan		
	2011 (RM)	2012 (RM)	2013 (RM)
Pendapatan	95,178,211	92,875,582	83,324,333
Lain-Lain Pendapatan Operasi	2,864,688	2,916,134	3,870,542
Jumlah Pendapatan	98,042,899	95,791,716	87,194,875
(-) Perbelanjaan Operasi dan Pentadbiran	96,055,421	94,523,384	86,602,554
Pendapatan Operasi	1,987,478	1,268,332	592,321
Pendapatan Faedah	724,782	991,684	649,668
(-) Perbelanjaan Faedah	174,148	209,510	183,611
Keuntungan Sebelum Cukai*	2,538,112	2,050,506	1,058,378
Cukai	415,581	420,906	208
Keuntungan Bersih	2,122,531	1,629,600	1,058,170
Keuntungan Terkumpul	9,867,326	11,533,456	12,629,617


Sumber: Penyata Kewangan Perkasa Trading Sdn. Bhd.

Carta 5.1
Keuntungan Bersih Sebelum Cukai Dan Keuntungan Terkumpul Bagi Tahun Kewangan 2011 Hingga 2013



Sumber: Penyata Kewangan Perkasa Trading Sdn. Bhd.

Carta 5.2
Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan Bagi Tahun Kewangan 2011 Hingga 2013



Sumber: Penyata Kewangan Perkasa Trading Sdn. Bhd.

5.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Analisis Audit adalah meliputi analisis Nisbah Kecairan, Margin Keuntungan dan Nisbah Kecekapan seperti di **Jadual 5.2**.

Jadual 5.2
Analisis Nisbah Kewangan Bagi Tahun Kewangan 2011 Hingga 2013

Butiran	Tahun Kewangan		
	2011	2012	2013
Nisbah Semasa	2.30:1	2.57:1	2.56:1
Margin Keuntungan	2.7%	2.2%	1.4%
Pulangan Atas Aset	0.03:1	0.03:1	0.01:1
Pulangan Atas Ekuiti	0.05:1	0.04:1	0.02:1

Sumber: Penyata Kewangan Perkasa Trading Sdn. Bhd.

a. Nisbah Semasa

Nisbah Semasa dikira dengan membandingkan aset semasa dengan liabiliti semasa. Nisbah ini digunakan bagi menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa syarikat boleh ditukar kepada tunai dengan kadar segera bagi menampung liabiliti jangka pendek syarikat. Kedudukan Nisbah Semasa pada kadar 2:1 menunjukkan syarikat berkemampuan untuk membayar hutang manakala Nisbah Semasa pada kadar 1:1 adalah dianggap setara. Semakin tinggi nisbah ini, semakin baik kerana aset semasa dapat ditukar kepada tunai dengan segera untuk melunaskan hutang semasa. Analisis Audit mendapati Nisbah Semasa PTSB bagi tahun 2011 hingga 2013 adalah antara 2.30:1 hingga 2.57:1. Ini menunjukkan Nisbah Semasa PTSB adalah baik dan berkeupayaan melunaskan keseluruhan tanggungan semasanya.

b. Margin Keuntungan

Margin Keuntungan mengukur kadar keuntungan sebelum cukai bagi setiap ringgit hasil yang diperoleh daripada perniagaan sesebuah syarikat. Peningkatan margin ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan pendapatan, ia memberi kesan langsung dan nilai tambah (*value-added*) terhadap kadar keuntungan syarikat. Mengikut perkiraan Audit, pada tahun 2011 hingga 2013, PTSB telah mencatat peratusan keuntungan masing-masing 2.7%, 2.2% dan 1.4%. Berdasarkan kepada analisis Audit, tahap kecekapan operasi PTSB adalah memuaskan kerana telah mencatatkan keuntungan untuk 3 tahun berturut-turut bagi tempoh 2011 hingga 2013.

c. Nisbah Pulangan Atas Aset

Nisbah Pulangan Atas Aset mengukur pulangan yang diperoleh oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit aset yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan asetnya bagi mendapatkan pulangan terbaik. Analisis Audit mendapati Nisbah Pulangan Atas Aset bagi tahun 2011 hingga 2013 adalah antara 0.01:1 hingga 0.03:1. Berdasarkan perkiraan Audit, bagi setiap ringgit yang dilaburkan atas aset, PTSB telah mencatat keuntungan antara RM0.01 dan RM0.03 pada tahun 2011 hingga 2013.

d. Nisbah Pulangan Atas Ekuiti

Nisbah Pulangan Atas Ekuiti mengukur pulangan ke atas jumlah ekuiti syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit modal yang digunakan, semakin cekap PTSB menguruskan ekuitinya. Pada perkiraan Audit jumlah pulangan pelaburan daripada ekuiti adalah antara 0.02:1 hingga 0.05:1 iaitu setiap ringgit yang dilaburkan dalam ekuiti syarikat telah memberi pulangan antara RM0.02 hingga RM0.05.

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan PTSB adalah baik kerana kedudukan kewangan yang stabil dan berdaya saing serta telah mencatat keuntungan terkumpul berjumlah RM12.63 juta setakat tahun 2013.

5.4.2. Pengurusan Aktiviti

Pengurusan aktiviti yang cekap adalah penting untuk membolehkan syarikat mencapai objektif yang ditetapkan. Kawalan operasi yang cekap dan berkesan tanpa mengabaikan aspek kualiti dapat membantu pihak pengurusan menjimatkan kos. Bagi tujuan penilaian prestasi penjualan bahan binaan, produk perindustrian, baja dan bahan kimia pertanian,

pihak Audit telah menyemak rekod dan dokumen berkaitan perolehan dan penjualan bahan tersebut bagi tahun 2012 hingga 2014. Hasil semakan Audit adalah seperti berikut:

5.4.2.1. Perolehan Barang Secara Pembelian Terus Melebihi Had

- a. Mengikut amalan terbaik, proses perolehan hendaklah dibuat dengan teratur untuk memastikan bekalan, kerja atau perkhidmatan diperoleh dengan harga yang berpatutan dan menguntungkan. Mengikut *Standard Operating Procedures (Finance And Accounts)* PTSB bagi perolehan bekalan, sebut harga hendaklah dipelawa daripada sekurang-kurangnya 5 pembekal. Semakan Audit terhadap perolehan yang dibuat pada tahun 2012 hingga 2014 mendapati perolehan PTSB adalah melalui kaedah pembelian terus walaupun melebihi had yang ditetapkan. Bagi tempoh 2012 hingga 2014, PTSB telah membuat hanya satu perolehan kerja melalui tender tertutup dengan kelulusan Lembaga Pengarah bagi pembinaan gudang/pejabat di Sandakan. Perolehan operasi PTSB bagi tempoh 2012 hingga 2014 (setakat bulan Ogos) adalah seperti di **Jadual 5.3**.

Jadual 5.3
Perolehan Operasi PTSB

Cawangan	Tahun		
	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
Kota Kinabalu	48.61	39.69	23.13
Sandakan	6.46	7.20	3.51
Tawau	12.89	11.26	3.97
Lahad Datu	14.05	15.28	6.25
Labuan	4.28	7.13	1.66
Jumlah	86.29	80.56	38.52

Sumber: Penyata Kewangan Perkasa Trading Sdn. Bhd

- b. **Berdasarkan maklum balas PTSB bertarikh 31 Disember 2014, perolehan melalui kaedah pembelian terus dibuat kerana pihak SEDCO telah memberi syarat agar PTSB menjual barang keluaran syarikat subsidiari SEDCO.** Walau bagaimanapun, PTSB bersetuju terhadap cadangan pihak Audit untuk mengemas kini SOP sedia ada.

5.4.2.2. Pengurusan Stok

Sistem pengurusan stok yang baik dan berkesan dapat mengurangkan kos, memaksimumkan keberkesanan modal yang dilaburkan, mengatasi masalah kehabisan stok dan kemampuan ruang penyimpanan, mengenal pasti pergerakan item dan mengelakkan pembaziran.

a. Penerimaan Stok

Pengurusan stok bahan binaan, produk perindustrian, baja dan bahan kimia pertanian yang cekap merupakan aspek yang penting kerana melibatkan kos

perbelanjaan yang ditanggung oleh pihak PTSB. Pengurusan stok bahan binaan, produk perindustrian, baja dan bahan kimia pertanian yang baik boleh meminimumkan kos perbelanjaan dan seterusnya memaksimumkan keuntungan penjualan barang tersebut. Penerimaan barang/stok PTSB direkod menggunakan borang *Goods Received In Store* (GRIS).

b. Penyimpanan Stok

Penyimpanan stok bahan binaan, produk perindustrian, baja dan bahan kimia pertanian yang sistematis adalah penting untuk memastikan bahawa barang sentiasa dalam keadaan yang baik dan sempurna. Pemeriksaan Audit mendapati ruangan stor penyimpanan barang adalah tidak mencukupi menyebabkan barang diletakkan di tempat terbuka (luar stor) seperti di **Gambar 5.1** dan **Gambar 5.2**. **Berdasarkan maklum balas PTSB bertarikh 31 Disember 2014, proses rayuan terhadap permohonan tanah untuk tujuan penyimpanan barang sedang dibuat dengan Majlis Daerah Lahad Datu.**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Gudang, PTSB Lahad Datu
Tarikh: 26 Ogos 2014



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Gudang, PTSB Lahad Datu
Tarikh: 26 Ogos 2014

c. Pemeriksaan/Verifikasi Stok/Inventori

Pemeriksaan/verifikasi stok/inventori (*stock-take*) adalah pengesahan fizikal kuantiti dan keadaan barang di dalam inventori atau gudang. Ini dilakukan untuk mendapatkan penilaian/kedudukan stok sedia ada pada satu masa tertentu dan juga merupakan sumber maklumat bagi sebarang perbezaan stok. Pemeriksaan/verifikasi stok/inventori boleh dilaksanakan sebagai pemeriksaan tahunan atau dilakukan secara berkala mengikut kitaran. Pihak PTSB telah menjalankan *Annual Stock Count* di semua cawangan pada setiap tahun. Pemeriksaan stok oleh PTSB pada tahun 2012 dan 2013 telah mendapati perbezaan antara baki stok fizikal dengan baki mengikut rekod seperti di **Jadual 5.4**.

Jadual 5.4
Ringkasan Perbezaan Stok Tahun 2012 Dan 2013

Cawangan	Perbezaan Stok	
	2012 (RM)	2013 (RM)
Kota Kinabalu	(22,088.60)	133.01
Sandakan	(73,103.26)	(84,130.01)
Tawau	(260.65)	4,309.96
Lahad Datu	(1,585.92)	1,121.24
Labuan	5,586.68	98.39
Jumlah	(91,451.75)	(78,467.41)

Sumber: Penyata Kewangan Perkasa Trading Sdn. Bhd

d. Pelupusan Stok Usang


Semakan Audit terhadap *Stock List For Obsolete Stock And Provision Review* PTSB mendapati setakat bulan Mei 2014, stok bernilai RM6.20 juta telah dikategorikan sebagai usang seperti di **Jadual 5.5, Gambar 5.3 dan Gambar 5.4.** Berdasarkan maklum balas PTSB bertarikh 31 Disember 2014, pihak PTSB sedang dalam usaha melupuskan stok usang melalui jualan berdiskaun bagi barang yang masih mempunyai nilai dan melupuskan terus barang yang rosak dan tidak mempunyai nilai kewangan.

Jadual 5.5
Stok Usang (Obsolete Stock) PTSB Setakat Bulan Mei 2014

Cawangan	Bilangan (Unit)	Nilai (RM)
Kota Kinabalu	173,816	2,181,994
Sandakan	39,178	890,766
Tawau	92,782	1,625,295
Lahad Datu	46,888	756,022
Labuan	99,121	745,245
Jumlah	451,785	6,199,322

Sumber: Penyata Kewangan Perkasa Trading Sdn. Bhd

Gambar 5.3
Stok Usang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Gudang, PTSB Kolombong
Tarikh: 18 Ogos 2014

Gambar 5.4
Stok Usang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Gudang, PTSB Kolombong
Tarikh: 18 Ogos 2014

5.4.2.3. Pengurusan Jualan Barang

a. Sasaran Jualan

- i. Sasaran jualan hendaklah ditetapkan untuk membolehkan penilaian dibuat terhadap pencapaian sebenar jualan. PTSB telah menetapkan sasaran jualan barang mengikut kategori iaitu *building, industrial, agricultural, Kosan material, raw material automotive*, probase dan reposl pada setiap tahun. Semakan Audit mendapati pencapaian jualan sebenar PTSB berbanding sasaran bagi tempoh 2011 hingga 2013 adalah masing-masing antara 66.4% hingga 131.6%, 65.4% hingga 110.7% dan 71.3% hingga 101.5%. Ini menunjukkan sasaran yang ditetapkan adalah realistik dan boleh dicapai. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati jualan sebenar PTSB telah menurun setiap tahun sejak 2011 daripada RM95.18 juta kepada RM92.95 juta pada tahun 2012 dan RM83.32 juta pada tahun 2013. Sasaran jualan berbanding jualan sebenar pada tahun 2011 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 5.6**.

Jadual 5.6
Sasaran Berbanding Jualan Sebenar Pada Tahun 2011 Hingga 2013

Cawangan	2011				2012				2013			
	(RM Juta)		(%)		(RM Juta)		(%)		(RM Juta)		(%)	
	a	b	c	d	a	b	c	d	a	b	c	d
Kota Kinabalu	37.08	48.78	11.70	131.6	47.57	52.68	5.11	110.7	47.86	41.48	(6.38)	86.7
Sandakan	9.60	6.38	(3.22)	66.4	9.18	7.11	(2.07)	77.5	10.42	7.59	(2.83)	72.8
Tawau	14.81	14.92	0.11	100.7	15.56	12.75	(2.81)	81.9	16.67	11.89	(4.78)	71.3
Lahad Datu	14.88	16.61	1.73	111.6	16.48	14.56	(1.92)	88.3	15.59	15.83	0.24	101.5
Labuan	9.60	8.49	(1.11)	88.4	8.94	5.85	(3.09)	65.4	8.56	6.53	(2.03)	76.3
Jumlah	85.97	95.18	9.21		97.73	92.95	(4.78)		99.10	83.32	(15.78)	

Sumber: Penyata Kewangan Perkasa Trading Sdn. Bhd

Nota: a – Sasaran, b – Sebenar, c – Perbezaan (b-a), d – pencapaian (b/a)

- ii. **Berdasarkan maklum balas PTSB bertarikh 31 Disember 2014, sebab utama penurunan jualan setiap tahun sejak tahun 2011 adalah kewujudan saingen daripada pembekal lain. Untuk meningkatkan jualan dan keuntungan syarikat, PTSB mengesyorkan agar semua agensi Kerajaan Negeri membeli sekurang-kurangnya 30 peratus barang *hardware* daripada PTSB.**

b. Kawalan Jualan/Kredit

Kemudahan kredit dalam perniagaan membolehkan syarikat atau orang perseorangan menangguhkan pembayaran terhadap barang yang telah diterima untuk tempoh masa tertentu yang telah dipersetujui. PTSB memberi kemudahan kredit kepada 418 syarikat setakat 2014 (bulan Ogos). Mengikut rekod PTSB, sebanyak 221 syarikat telah diberi kemudahan kredit antara RM10,000 hingga RM1.50 juta bagi tahun 2012 hingga 2014 (bulan Ogos). Semakan Audit terhadap kawalan kredit mendapati perkara berikut:

i. Pelanggan Lewat Membuat Pembayaran

Mengikut *Credit Policy* PTSB, akaun pelanggan yang tidak dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan akan diberi peringatan melalui surat, panggilan telefon atau lawatan dan akan dikenakan faedah pada kadar 1.5% sebulan. Akaun yang telah lama tertunggak dan sukar dikutip akan dikenakan tindakan undang-undang. Semakan Audit mendapati pelanggan yang belum menjelaskan akaun tertunggak sejumlah RM20.93 juta telah dikenakan faedah sejumlah RM1.90 juta setakat bulan Jun 2014 seperti di **Jadual 5.7**. Selain itu, sebanyak 37 syarikat telah diambil tindakan undang-undang bagi tempoh 2012 hingga 2014 seperti di **Jadual 5.8**.

**Jadual 5.7
Penghutang Kredit Setakat Bulan Jun 2014**

Cawangan	Bil. Penghutang	Semasa (RM Juta)	> 30 Hari (RM Juta)	> 60 Hari (RM Juta)	> 90 Hari (RM Juta)	>120 Hari (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)	Faedah Dikenakan (RM Juta)
Kota Kinabalu	154	2.79	2.19	1.80	0.58	4.85	12.21	1.00
Sandakan	52	0.65	0.50	0.28	0.34	0.54	2.31	0.29
Tawau	71	0.59	0.40	0.50	0.15	1.32	2.96	0.26
Lahad Datu	101	0.58	0.51	0.47	0.13	0.78	2.47	0.18
Labuan	23	0.09	0.09	0.05	0.03	0.72	0.98	0.17
Jumlah	418	4.70	3.69	3.10	1.23	8.21	20.93	1.90

Sumber: Penyata Kewangan Perkasa Trading Sdn. Bhd

**Jadual 5.8
Penghutang Yang Dikenakan Tindakan Undang-Undang Setakat Bulan Oktober 2014**

Cawangan	2012		2013		2014	
	Bil.	(RM)	Bil.	(RM)	Bil.	(RM)
Kota Kinabalu	3	149,969.12	6	118,416.06	11	1,338,606.26
Sandakan	-	-	4	478,981.98	1	10,410.96
Tawau	2	322,053.28	4	432,371.68	3	729,271.11
Lahad Datu	-	-	1	266,816.72	1	4,205.67
Labuan	-	-	1	18,189.23	-	-
Jumlah	5	472,022.40	16	1,314,775.67	16	2,082,494.00

Sumber: Penyata Kewangan Perkasa Trading Sdn. Bhd

ii. Hutang Melebihi Had Kredit Dibenarkan

Mengikut *Credit Policy* PTSB, had kredit tidak boleh dilangkaui kecuali mendapat kelulusan Ibu Pejabat menggunakan borang *Re-activation Of Barred Account*. Selain itu, mengikut amalan terbaik, permohonan hendaklah disemak/disokong oleh pegawai/pengurus yang berkenaan sebelum kelulusan diberi untuk menjaga kepentingan syarikat. Semakan Audit mendapati 21 syarikat telah diberikan kredit melebihi had yang telah diluluskan antara 1.7% hingga 196.2% seperti di **Jadual 5.9**. Semakan lanjut Audit terhadap borang permohonan *Re-activation Of Barred Account* bagi daerah Sandakan mendapati borang ditandatangani oleh Pengurus Besar tanpa ditandatangani oleh *Credit Manager* dan *Product And Business Development Manager* terlebih dahulu. **Berdasarkan maklum balas PTSB**

bertarikh 31 Disember 2014, PTSB hanya memberi kemudahan kredit melebihi had atas kelulusan Lembaga Pengarah melalui mesyuarat ke 192 pada 7 November 2014.

Jadual 5.9
Syarikat Diberi Kemudahan Kredit Melebihi Had Setakat Jun 2014

Bil.	Cawangan	No. Rujukan Fail Syarikat/ Peminjam	Had Kredit (RM)	Outstanding (RM)	Had Dilangkaui	
					(RM)	(%)
1.	Kota Kinabalu	KKB/1514/13	20,000	29,766	(9,766)	48.8
2.		KKB/1461/12	150,000	152,594	(2,594)	1.7
3.		KKB/1394/10	500,000	550,349	(50,349)	10.1
4.		KKB/1521/14	100,000	113,164	(13,164)	13.2
5.		KKB/1518/13	15,000	18,228	(3,228)	21.5
6.		KKB/1350/12	300,000	316,888	(16,888)	5.6
7.		KKB/1493/13	50,000	101,310	(51,310)	102.6
8.		KKB/1479/12	200,000	218,626	(18,626)	9.3
9.		KKB/1523/14	100,000	115,357	(15,357)	15.4
10.	Sandakan	SKN/546/12	300,000	888,678	(588,678)	196.2
11.	Tawau	TWU/104/13	50,000	54,195	(4,195)	8.4
12.		TWU/690/12	50,000	55,825	(5,825)	11.7
13.		TWU/675/12	80,000	81,799	(1,799)	2.2
14.		TWU/661/11	80,000	111,244	(31,244)	39.1
15.		TWU/709/13	50,000	74,205	(24,205)	48.4
16.	Lahad Datu	TWU/336/13	20,000	21,496	(1,496)	7.5
17.		TWU/283/10	50,000	52,366	(2,366)	4.7
18.		LDU/341/13	160,000	175,652	(15,652)	9.8
19.		LDU/270/09	100,000	137,520	(37,520)	37.5
20.	Labuan	KKB/1256/06	200,000	232,625	(32,625)	16.3
21.		LBN/230/12	300,000	320,728	(20,728)	6.9
Jumlah			2,875,000	3,822,615	(947,615)	

Sumber: Penyata Kewangan Perkasa Trading Sdn. Bhd.

5.4.2.4. Tunggakan

Semua hasil hendaklah dikutip mengikut tempoh yang ditetapkan/apabila tempoh kutipan telah matang (*due*). Semakan Audit mendapati tunggakan penghutang PTSB berjumlah RM28.52 juta setakat bulan Julai 2014. Tunggakan tertinggi adalah melibatkan tempoh melebihi 180 hari yang berjumlah RM11.03 juta. Pengusiaan tunggakan PTSB adalah seperti di **Jadual 5.10**.

Jadual 5.10
Penghutang PTSB Setakat Bulan Julai 2014

Lokasi	Semasa (RM Juta)	31 - 60 Hari (RM Juta)	61- 90 Hari (RM Juta)	91 - 120 Hari (RM Juta)	121 - 150 Hari (RM Juta)	151 - 180 Hari (RM Juta)	>180 Hari (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)
Kota Kinabalu	3.65	3.43	1.82	0.78	0.50	0.52	3.35	14.05
Sandakan	0.46	0.91	0.93	0.39	0.27	0.09	1.61	4.66
Tawau	0.45	0.58	0.26	0.30	-	0.02	3.10	4.71
Lahad Datu	0.59	0.52	0.32	0.21	0.08	0.06	0.97	2.75
Labuan	0.19	0.08	0.07	0.01	-	-	2.00	2.35
Jumlah	5.34	5.52	3.40	1.69	0.85	0.69	11.03	28.52

Sumber: Penyata Kewangan Perkasa Trading Sdn. Bhd.

Pada pendapat Audit pengurusan aktiviti PTSB adalah memuaskan walaupun terdapat kelemahan seperti stok berlebihan dan usang, jualan sebenar semakin menurun serta tunggakan meningkat.

5.4.3. Tadbir Urus Korporat

Amalan tadbir urus korporat yang baik amat penting kerana ia membantu sektor korporat bersaing dengan lebih cekap dan memperoleh pencapaian terbaik dalam sektor kewangan dan mengukuhkan nama baik syarikat serta meningkatkan budaya kerja yang sihat. Semakan Audit terhadap tadbir urus korporat PTSB mendapati perkara berikut:

5.4.3.1. Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah merupakan badan eksekutif tertinggi yang diberi kuasa untuk melaksanakan semua aktiviti dan tanggungjawab seperti mana yang diperuntukkan dalam Memorandum Dan Artikel syarikat serta Akta Syarikat 1965. Bagi memastikan pengurusan syarikat diuruskan dengan sempurna dan mencapai objektif penubuhannya, Lembaga Pengarah perlu mengadakan mesyuarat seberapa kerap yang boleh selaras dengan kehendak Buku Hijau - *Enhancing Board Effectiveness* yang dikeluarkan oleh Khazanah Nasional Berhad. Pihak Audit mendapati mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan masing-masing sebanyak 3 kali, 2 kali dan 4 kali pada tahun 2012, 2013 dan 2014.

5.4.3.2. Strategi dan Rancangan Korporat

Amalan Terbaik dan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993 menghendaki Syarikat Kerajaan menyediakan Rancangan Korporat. Setiap Syarikat perlu merancang strategi perniagaan bagi memastikan perniagaan yang diusahakan mencapai objektif penubuhannya dan mendatangkan pulangan yang baik. Pihak PTSB telah menyediakan Pelan Strategik yang meliputi arah tuju PTSB bagi tempoh jangka panjang iaitu dari tahun 2006 sehingga tahun 2010. Bagaimanapun, Pelan Strategik bagi tempoh 2011 hingga 2015 belum disediakan. **Berdasarkan maklum balas PTSB bertarikh 31 Disember 2014, pelan strategik/rancangan korporat bagi tahun 2016 hingga 2020 akan disediakan.**

5.4.3.3. Audit Dalam

Unit Audit Dalam (UAD) ditubuhkan untuk membantu pihak pengurusan memantau perjalanan pengurusan pentadbiran, kewangan dan operasi sesebuah organisasi. Pewujudan UAD adalah penting kerana ia berfungsi sebagai *added value* kepada pengurusan syarikat yang efektif dan efisien serta memaksimumkan keuntungan melalui pengurangan kos yang tidak sepatutnya. Pihak Audit mendapati PTSB telah menubuhan UAD. UAD juga telah menyediakan rancangan pengauditan tahunan dan telah menjalankan pengauditan/pemeriksaan di PTSB sekurang-kurangnya 4 kali setahun

dalam bidang yang tertentu mengikut rancangan iaitu *audit visit*, *spot check*, *pre count*, *audit verification* dan *stock take* di semua cawangan PTSB. Penemuan UAD dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan. Selain itu, UAD SEDCO juga ada menjalankan pengauditan terhadap operasi dan kewangan PTSB.

5.4.3.4. Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan

Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 1993, Jawatankuasa Audit hendaklah ditubuhkan bagi Syarikat Kerajaan untuk meningkatkan kawalan pengurusan dan kewangan serta menjaga kepentingan Kerajaan. Keahlian Jawatankuasa ini hendaklah tidak kurang daripada 3 orang ahli dan tidak melebihi 5 orang ahli. Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya 4 kali setahun. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan telah ditubuhkan dengan 3 orang ahli. Setiausaha adalah Pengurus Audit Dalam. Jawatankuasa telah mengadakan mesyuarat sebanyak 1 kali pada tahun 2012 dan masing-masing 2 kali pada tahun 2013 dan 2014 (setakat bulan September).

5.4.3.5. Sistem dan Prosedur (Polisi/Garis Panduan/Prosedur)

Sistem dan prosedur yang lengkap, jelas dan menyeluruh dapat menyeragamkan urusan dan operasi harian sesebuah syarikat. Ia dapat membantu pihak pengurusan membuat keputusan dan mengambil tindakan dengan segera dan seterusnya dapat membantu syarikat mencapai misi dan objektifnya. *Standard Operating Procedures (SOP)* merupakan rujukan penting kepada setiap anggota kerana dokumen ini mengandungi segala fungsi, prosedur, proses kerja dan kuasa kewangan. Pemeriksaan Audit terhadap sistem dan prosedur PTSB mendapati perkara berikut:

a. Accounting Policies And Procedures Manual

Peraturan kewangan dan perakaunan yang lengkap dan kemas kini memudahkan pemantauan terhadap aktiviti pengurusan kewangan terutamanya pematuhan kepada perkara yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati *Accounting Policies And Procedures Manual* PTSB adalah tidak lengkap kerana tidak mengandungi peraturan perolehan yang spesifik, pembatalan resit dan pengurusan aset. Semakan Audit juga mendapati prosedur tersebut tidak pernah disemak sejak tahun 1986.

b. General Terms And Conditions Of Service

General Terms And Conditions Of Service (GTCS) digunakan bagi pengurusan pentadbiran dan kebijakan kakitangan. Perkara utama yang terkandung dalam prosedur ini ialah syarat perkhidmatan, kelakuan dan disiplin, gaji, bonus dan elauan, kemudahan perubatan dan kemudahan lain, cuti dan lain-lain (waktu bekerja, umur dan ganjaran persaraan, penamatkan kerja dan perkara am). Semakan Audit mendapati PTSB menggunakan prosedur *Staff General Terms And Conditions Of*

Service untuk peraturan perkhidmatan pegawaiannya. Semakan Audit selanjutnya mendapati peraturan tersebut tidak dikemas kini kecuali berkenaan semakan semula struktur gaji kakitangan yang telah dibuat pada 1 Januari 2013.

- c. **Berdasarkan maklum balas PTSB bertarikh 31 Disember 2014, PTSB akan mengambil tindakan menyemak dan mengemas kini SOP.**

5.4.3.6. Ikrar Integriti Korporat (*Corporate Integrity Pledge*)

Ikrar Integriti Korporat ialah dokumen yang membenarkan sesebuah syarikat membuat komitmen untuk mendukung Prinsip Pencegahan Rasuah untuk Syarikat Korporat di Malaysia. Dengan menandatangani ikrar ini, sesebuah syarikat membuat keputusan satu pihak (*unilateral*) bahawa syarikat tidak akan terlibat dalam jenayah rasuah dan akan berganding bahu untuk mewujudkan persekitaran perniagaan yang bebas daripada rasuah dan mendukung Prinsip Pencegahan Rasuah untuk Syarikat di Malaysia dalam urusan perniagaan dan interaksinya dengan rakan perniagaan dan juga Kerajaan. Semakan Audit mendapati PTSB belum menandatangani Ikrar tersebut. **Berdasarkan maklum balas PTSB bertarikh 31 Disember 2014, SEDCO telah menandatangani Ikrar Integriti Korporat bagi pihak PTSB dan semua syarikat subsidiarinya.**

5.4.3.7. Pembayaran Dividen

Berdasarkan amalan terbaik dan peraturan kerajaan seperti dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan Tahun 1993 dan Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Sabah Bilangan 7 Tahun 2001, Syarikat Kerajaan yang memperoleh keuntungan perlu membayar dividen kepada pemegang sahamnya. Semakan Audit mendapati PTSB tidak mengisyiharkan dividen meskipun memperoleh keuntungan sebelum cukai masing-masing sejumlah RM2.54 juta, RM2.05 juta dan RM1.06 juta pada tahun 2011, 2012 dan 2013. **Berdasarkan maklum balas PTSB bertarikh 31 Disember 2014, PTSB tidak mengisyiharkan dividen kepada pemegang sahamnya kerana PTSB sedang membuat pembayaran balik pinjaman berjumlah RM150,000 sebulan kepada SEDCO.**

Pada pendapat Audit, tadbir urus korporat adalah memuaskan kecuali pelan strategik dan SOP yang sedia ada perlu dikemas kini.

5.5. SYOR AUDIT

Bagi memantapkan pengurusan syarikat Perkasa Trading Sdn. Bhd. (PTSB) dari aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan, pihak Audit mengesyorkan PTSB mengambil tindakan berikut:

5.5.1. Memastikan sistem perolehan teratur dan kemas kini dengan mewujudkan Jawatankuasa tender/sebut harga dan mengkaji semula siling perolehan bagi sebut harga, tender dan pembelian terus agar bersesuaian dengan keadaan semasa.

5.5.2. Menyediakan Pelan Strategik dan mengemas kini SOP bagi meningkatkan kecekapan pengurusan PTSB.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan telah menunjukkan beberapa penambahbaikan dalam pelaksanaan program dan aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri seperti berkurangnya kes-kes ketidakpatuhan terhadap prosedur kerajaan dan penetapan asas-asas yang jelas dalam pelaksanaan projek atau program. Namun begitu, kegagalan mengambil tindakan awal terhadap masalah yang berlaku sepanjang pelaksanaan projek/program telah menjaskan pencapaian matlamat projek/program pada akhirnya. Selain itu, aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkatkan dan dilakukan secara berterusan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor.

Sehubungan itu, Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku dalam projek/program lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing serta bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.

Jabatan Audit Negara

Putrajaya

21 Februari 2015



www.audit.gov.my

Jabatan Audit Negara Malaysia

No. 15, Aras 1-5, Persiaran Perdana, Presint 2, 62518 Wilayah Persekutuan Putrajaya